

Bab Ketiga

PENGARUH MANTIQ TERHADAP PEMIKIRAN ISLAM

PENGARUH *MANTIQ* TERHADAP PEMIKIRAN ISLAM

3.1. PENDAHULUAN.

Dalam perbincangan sebelum ini, kajian ini telah menghuraikan tentang sejarah dan manhaj pengajian *Mantiq* yang telah berkembang ke Dunia Islam. Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, kajian ini mendapati bahawa disiplin *Mantiq* dengan manhaj pengajian yang menggabungkan antara topik perbahasan yang telah ditinggalkan oleh Aristotle dengan topik-topik perbahasan baru yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh *Mantiq* Stoik telah tersebar secara meluas di Dunia Islam menerusi gerakan penterjemahan dan juga kegiatan pengajaran *Mantiq* yang telah dijalankan secara aktif pada zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah.

Setelah disiplin ini berkembang ke Dunia Islam, ia kemudiannya telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam adalah merupakan satu fenomena yang sukar untuk dielakkan oleh umat Islam memandangkan para ulama pada umumnya hidup dalam satu persekitaran kehidupan yang menyaksikan wujudnya pelbagai aliran pemikiran asing yang mewarnainya. Persekitaran kehidupan yang sebegini rupa telah mendorong mereka untuk mendekati pemikiran asing tersebut. *Mantiq* Greek yang merupakan sebahagian daripada pemikiran *Helenik*, adalah antara disiplin ilmu yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam

melalui peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama yang mempunyai tanggapan positif terhadap disiplin ini, walaupun ianya berasal dari Greek-Yunani.

Usaha gigih yang telah dilakukan oleh mereka dalam memanfaatkan satu cabang *hikmat* silam yang semakin dilupai oleh generasi kini untuk kebaikan agama Islam dan ummatnya telah menyebabkan disiplin *Mantiq*, yang pada peringkat awalnya hanya digunakan oleh tokoh-tokoh pemikir awal Islam untuk tujuan perdebatan sahaja, akhirnya berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Ini terserlah melalui percampuran *Mantiq* dengan beberapa disiplin ilmu Islam seperti ‘Ilm al-Kalām dan ‘Ilm Uṣūl a-Fiqh menjelang kurun kelima hijrah.

Untuk melihat persoalan ini dengan lebih jelas, kajian ini akan cuba menghuraikan tentang pengaruh disiplin ini terhadap pemikiran Islam dengan menfokuskan kajian kepada pengaruh *Mantiq* terhadap disiplin-disiplin ilmu Islam, khususnya ‘Ilm al-Kalām dan ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh sebagai mewakili pemikiran Islam secara umumnya. Sebelum huraian lanjut berhubung dengan persoalan ini diteruskan, kajian ini akan menjelaskan terlebih dahulu tentang definisi pemikiran Islam dan hubungannya dengan *Mantiq*. Kefahaman yang jelas tentang definisi pemikiran Islam dan hubungannya dengan *Mantiq* adalah penting kerana ia boleh membantu kita memahami persoalan-persoalan yang akan dibincangkan seterusnya di dalam kajian ini.

3.2. DEFINISI PEMIKIRAN ISLAM.

Perkataan "pemikiran" menurut penggunaan bahasa Melayu bermaksud perihal berfikir¹. Penggunaan perkataan ini menurut kebiasaannya adalah dirujuk kepada hasil-hasil pemikiran yang telah berjaya dihasilkan oleh manusia melalui satu aktiviti atau gerakan pemikiran.² Istilah "pemikiran", "Falsafah" dan "Taṣawwur" juga merujuk kepada hasilan akal manusia dalam sejarah yang panjang samada dalam kitaran masyarakat Islam atau bukan Islam.³ Ungkapan istilah "pemikiran Islam" merupakan satu ungkapan istilah baru yang digunakan dalam bidang penulisan ilmiah di zaman moden.

Istilah ini telah didefinisikan dengan pelbagai ungkapan definisi oleh tokoh-tokoh pemikir Islam. Dr. Muhammad al-Bahī mendefinisikannya sebagai percubaan (*al-Muḥāwalah*) yang berasaskan kepada keupayaan akal, yang telah dilakukan oleh para ulama Islam bagi menerangkan tentang agama Islam berdasarkan kepada sumbernya yang asli iaitu al-Quran dan al-Sunnah.⁴ Percubaan yang dimaksudkan oleh beliau adalah terangkum dalam tiga persoalan utama iaitu percubaan untuk memahami dan mengintibāqkan hukum-hukum agama yang berkait dengan kehidupan manusia, percubaan menyerasikan ajaran Islam dengan pemikiran asing dan percubaan untuk

¹Teuku Iskandar, Dr., *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur, 1989, h. 324.

²Mu'assasah al-Balaghī, *al-Fikr al-Islāmiyy*, Tehran, 1987, h. 5.

³Muhammad Kamil Haji Abdul Majid, Prof Madya, *Pemikiran Islam Menghadapi Cabaran-Cabaran Abad Yang Ke 21 M*, Jurnal Usuluddin, Kuala Lumpur, bil. 2, 1995, h. 134.

⁴Muhammad al-Bahī, Dr., *al-Fikr al-Islāmiyy Fi Taṣawwurih*, Kaherah, 1971, h. 7

mempertahankan akidah Islam serta menolak akidah-akidah lain yang bercanggahan dengan akidah tersebut.¹

Sementara Dr. Muhsin ‘Abd al-Hamīd pula mendefinisikannya sebagai semua hasil-hasil pemikiran umat Islam, mencakupi pengetahuan yang berhubung dengan Allah, alam dan manusia dan merupakan satu ijtihad akal manusia dalam menafsirkan pengetahuan umum menurut prinsip akidah, syari’ah dan akhlak Islam.² Menurutnya lagi sesuatu pemikiran yang tidak bertitik tolak dari dasar-dasar Islam yang tetap dan *qatiyy* sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, tidak boleh dianggap sebagai pemikiran Islam.³

Berdasarkan kepada kedua-dua definisi di atas, kita merumuskan bahawa istilah pemikiran Islam adalah merujuk kepada semua hasil-hasil pemikiran yang telah dihasilkan oleh para ulama Islam melalui proses *ijtihad* yang berdasarkan kepada keupayaan akal mereka untuk menerangkan Islam berdasarkan kepada dua sumbernya yang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Selain daripada itu istilah "pemikiran Islam" juga telah dirujuk secara khusus kepada semua himpunan ilmu pengetahuan yang tertegak di atas asas-asas dan neraca ukuran Islam yang sebenar.⁴ Menurut Dr. Lutpi Ibrahim, segala ilmu pengetahuan yang

¹*Ibid*

²Muhsin ‘Abd al-Hamīd, Dr, *al-Fikr al-Islāmiyy: Taqwimuh Wa Tiyādīluh*, Baghdad, 1986, hal. 7.

³*Ibid.*

⁴Mu'asasah al-Balagh, *Op.cit.*, h. 18

Setiap gerakan pemikiran yang muncul dalam sesuatu masyarakat tentu sekali akan bertitik tolak dari sesuatu dasar yang tertentu, menggunakan metod yang tertentu dan digerakkan ke arah mencapai sesuatu objektif yang tertentu. Ini bermakna sesuatu gerakan pemikiran yang bertitik tolak dari dasar-dasar Islam, menggunakan metod-metod pemikiran yang jelas tidak dilarang oleh Islam dan digerakkan ke arah menghasilkan hasil-hasil pemikiran yang serasi dengan Islam, sudah tentu akan dapat mengeluarkan hasil-hasil pemikiran yang berupa himpunan ilmu-ilmu pengetahuan. Inilah yang boleh kita anggap sebagai "pemikiran Islam". Pemikiran ini berkembang selari dengan perkembangan yang berlaku dalam masyarakat Islam.

Istilah "pemikiran Islam" yang akan digunakan seterusnya di dalam kajian ini adalah merujuk kepada hasil-hasil pemikiran yang berupa disiplin-disiplin ilmu Islam yang telah berjaya dipengaruhi oleh *Mantiq* Greek seperti *'Ilm Usūl al-Fiqh*, *'Ilm al-Kalām*, *'Ilm al-Fiqh*, *'Ilm al-Naḥw* dan lain-lain lagi. Walau bagaimana kajian ini hanya akan menfokuskan kajian kepada dua disiplin ilmu sahaja iaitu *'Ilm al-Kalām* dan *'Ilm Usūl al-Fiqh* kerana sebab-sebab yang akan dijelaskan oleh penulis seterusnya.

3.3. HUBUNGAN PEMIKIRAN ISLAM DENGAN MANTIQ.

Gerakan pemikiran merupakan satu kegiatan baru yang muncul di Dunia Islam setelah berlakunya beberapa perubahan dalaman yang berlaku dalam masyarakat Islam bertitik tolak dari isu kepimpinan (*al-Imāmah*).¹ Isu ini secara tidak langsung telah

¹Menurut Al-Asħġarī, isu inilah merupakan isu dalaman utama yang menyebabkan berlakunya perselisihan pendapat di kalangan para sahabat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. Lihat, (Al-Asħġarī, Abu al-Hasan, *'Ali ibn Isma'il, Muqālat al-Islāniyyin Wa Iktīlaf al-Musallīn*, Kaherah, j.1, 1969, h. 39.)

membuka ruang bagi penularan pengaruh pemikiran asing, khususnya pemikiran Greek sedikit demi sedikit ke dalam pemikiran Islam sehingga secara tidak langsung akhirnya orang-orang Islam menjadi murid kepada tokoh-tokoh pemikir Greek, Hindu, Parsi dan lain-lain lagi.¹ Gerakan penterjemahan memainkan peranan yang besar dalam hal ini. Karya-karya Falsafah Aristotle yang merangkumi bidang-bidang seperti Falsafah, Kosmologi, Theologi, Metafizik, dan juga *Mantiq* telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Pada peringkat awalnya, gerakan pemikiran Islam adalah bereirikan Islam tulin dan tidak bercampur aduk dengan unsur-unsur pemikiran asing. Persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan oleh al-Quran dan juga pihak musuh-musuh Islam serta persoalan-persoalan yang berkaitan dengan isu kepimpinan agung (*al-Imāmah al-Uzma*) atau juga persoalan yang terbit akibat dari perikatan pendapat tersebut, merupakan persoalan-persoalan Islam yang cuba diselesaikan melalui penggunaan akal yang berasaskan kepada Islam yang tulin.²

Kurun pertama hijrah menyaksikan bagaimana orang-orang Arab-Islam tidak sedikit pun menghargai hasil-hasil pemikiran yang datang dari kalangan bukan berbangsa Arab dan tidak beragama Islam. Ini kerana mereka amat berbangga dengan sentimen kebangsaan Arab dan agama Islam amatan mereka. Mereka tidak memerlukan hasil-hasil kesusasteraan asing kerana mereka amat berbangga dengan kesusasteraan mereka sendiri begitu juga dengan pemikiran asing yang berkait dengan disiplin ilmu

¹ Abd al-Rahmān Marḥabā, Dr., *al-Jāmi' fī Tārīkh al-'Ulūm ʻInda al-ʻArab*, Beirut, 1988, h. 234-235.

² Sulaymān Dunyā, Dr., *al-Tajkīr al-Falsafiyy al- Islāmiyy*, Kaherah, 1968, hal. 334-335.

yang berasaskan kepada akal atau kerohanian, kerana mereka berbangga dengan Islam yang dianuti mereka.¹ Mereka tidak mengenal erti "Falsafah" kerana semua persoalan yang timbul di kalangan mereka dirujuk cara penyelesaiannya terus kepada al-Quran dan al-Sunnah.²

Pemikiran Islam yang pada mulanya bercirikan Islam tulin telah mula diresapi oleh pengaruh-pengaruh pemikiran asing setelah beredarnya kurun pertama Hijrah atau secara tepatnya setelah tampok pemerintahan Islam berpindah ketangan khalifah-khalifah kerajaan Abbasiyah. Mereka telah membuka ruang seluas-luasnya bagi pengaliran ilmu-ilmu pengetahuan asing ke Dunia Islam. Dalam period-period perkembangan sosial, ekonomi dan politik yang berlaku di Dunia Islam di zaman ini, umat Islam telah mula mula berinteraksi dengan pelbagai tamaddun dan ilmu-ilmu pengetahuan asing sehingga secara disedari atau pun tidak ianya telah berjaya mempengaruhi kebangkitan mereka dalam bidang keilmuan.³

Pemikiran Greek adalah antara pemikiran asing yang telah berjaya mendapat kedudukan yang istimewa dalam pemikiran manusia secara keseluruhannya, iaitu termasuk pemikiran Islam. Bahkan menurut Dr. Hasan al-Shaikh al-Fatiḥ, tidak keterhaluan jika dinyatakan bahawa ianya telah mendapat kedudukan yang paling istimewa dalam pemikiran manusia sejak zaman dahulu sehingga zaman kini.⁴ Falsafah

¹ Muḥammad al-Baḥī, *al-Jānib al-Ilāhiyy Min al-Taṣkīr al-Islāmiyy*, Kaherah, 1962, h. 54.

² Abd al-Halīm Maḥmūd, Dr., *al-Islām Wa al-‘Aql*, Kaherah, 1985. h. 59.

³ Muḥammad Faṭīḥ ‘Uthmān, *al-Fikr al-Islāmiyy Wā al-Taṣawwur*, Kuwait, 1969, h. 160.

⁴ Hasan al-Shaikh al-Fatiḥ al-Shaikh Qarīb Allah, *al-Hayāt al-Fikriyyah Fi Ḏawi' al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Beirut, 1991, h. 31.

Greek adalah antara tiga pengetahuan asing utama, selain dari pengetahuan Parsi dan juga Hindu yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam, setelah ianya dipindahkan ke Dunia Islam.¹ Walau bagaimana pun ini tidak bermakna bahawa pemikiran Islam adalah "ekor" yang sentiasa mengikuti kemana sahaja pemikiran asing tersebut bergerak atau ianya dianggap sebagai terjemahan dari pengetahuan Greek, sebagaimana yang didakwa oleh tokoh-tokoh sarjana Barat seperti Bertrand Russel.

Kemasukan pemikiran asing tersebut menjadi faktor terpenting yang mendorong kemunculan idea pemikiran bercorak Falsafah di dalam Islam.² Ia telah meninggalkan kesan yang nyata dalam bidang bahasa Arab dan juga pemikiran umat Islam.³ Selain daripada itu, ia juga amat dikagumi oleh sebahagian besar dari pemikir-pemikir Islam ketika itu. Mereka mula membuat ulasan, ringkasan dan juga komentar terhadapnya, selain dari membuat penyerasian (*al-Tawfiq*) antara Falsafah dengan agama Islam.

Aristotle adalah antara tokoh pemikir Greek terpenting yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran tokoh-tokoh pemikiran Islam, samada dari kalangan tokoh-tokoh Falsafah ataupun dari kalangan ulama-ulama *mutakallimīn* dan para *uṣūliyyūn*. Tokoh-tokoh Falsafah Islam sememangnya telah banyak menceduk pandangan-pandangan beliau (terutama sekali berkenaan dengan *Mantiq*) dalam bidang-bidang

¹ Al-Tawfiq, Tawfiq, *Fi Turālīmā al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*, Kuwait, 1985, h. 79. Lihat juga, Yūhānā Qamīr, *Uṣūl al-Falsafah al-‘Arabiyyah*, Beirut, 1958, h. 135.

² Al-Nashshār, *Nashshār al-Fikr al-Falsafiyy Fī al-Islām*, Iskandariyah, j. 1, 1962, h. 41.

³ Ibid, h. 169. Untuk keterangan lanjut tentang kesan-kesan yang dimaksudkan ini, sila lihat ‘Abdul al-Shāmālī, *Dīrāsāt Fī Ṭārīkh al-Falsafah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah Wa Aḥqār Rijālihā*, Beirut, 1979, h. 169).

kajian mereka.¹ Falsafah Aristotle telah berjaya mempengaruhi banyak disiplin-disiplin ilmu Islam sehingga kepada pelbagai aspeknya,² di samping ilmu-ilmu bahasa Arab seperti *al-Nahw* dan juga *al-Balaḡhah*.³ Istilah-istilah berkenaan dengan Falsafah dan *Mantiq* telah mula menular masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Arab.⁴

Umum mengetahui bahawa *Mantiq* merupakan disiplin pemikiran Greek pertama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab pada zaman pemerintahan Abū Ja'far al-Mansūr. Ia adalah antara cabang Falsafah Greek yang telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam buat beberapa abad. Penguasaan pengaruh *Mantiq* ke atas pemikiran Islam adalah lebih jelas menonjol setelah berlakunya percampuran *Mantiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam khususnya menjelang kurun kelima hijrah.

Menurut para sarjana, disiplin *Mantiq* yang telah disusun oleh Aristotle telah berjaya mempengaruhi pemikiran manusia buat beberapa kurun yang agak lama. Penguasaan ini adalah bermula semenjak dari zaman Aristotle sehingga kurun ke 16 Masihi.⁵ Pengkaji-pengkaji *Mantiq* di zaman kuno dan pertengahan berkeyakinan bahawa *Mantiq* adalah satu alat atau kesenian (*al-Fan*) yang mampu mengeluarkan kaedah-kaedah umum untuk diterimapakai oleh manusia dan digunakan oleh para ulama dalam semua bidang kajian mereka.⁶

¹*Ibid*, h. 22-23.

²*Ibid*, h. 200.

³Nu'aym, *Op.cit.*, h. 352.

⁴Abd al-Raḥmān al-Marḥabā, *Op.cit.*, h. 243.

⁵Mahmūd Qāsim, *Op.cit.*, h. 11.

⁶*Ibid*.

Menurut Bertrand Russerl, Kemampuan Aristotle menguasai pemikiran manusia adalah terletak pada keistimewaan *Mantiq*nya. Usahanya yang terpenting dalam bidang *Mantiq* ialah mengasaskan aliran *al-Qiyās*.¹ Terdapat ramai dari kalangan ahli-ahli Falsafah skolastik yang menganggap bahawa pemikiran yang berkait dengan pengeluaran kesimpulan (*al-Tafsīr al-Istimbātiyy*) hanyalah berkisar kepada lingkungan qias Aristotle yang bergerak dari mukadimah umum bagi menghasilkan kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus, bukan sebaliknya.²

Pemikiran Islam juga tidak terkecuali dari terdedah kepada pengaruhnya apabila orang-orang Islam mula berjinak-jinak dengan Falsafah Greek, apatah lagi usaha-usaha pemindahan Falsafah ini secara rasmiinya telah didokongi sendiri oleh pihak pemerintah-pemerintah Islam di zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah. Ia telah diterjemahkan lebih awal berbanding dengan cabang-cabang Falsafah lainnya. Kahalusan kaedah-kaedah *Mantiq* Greek telah dikagumi oleh sebahagian besar dari pemikir-pemikir Islam awal khususnya dari kalangan pendokong-pendokong aliran *al-Mu'tazilah*.

Menurut al-Nashshār, *Mantiq* Aristotle telah berjaya menguasai pemikiran umat Islam dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan.³ Metod Qias (*al-Qiyās*) yang telah

¹Russerl, Bertrand, *Tarīkh al-Falsafah al-Ūhurbiyyah; al-Falsafah al-Qadīmah*, Kaherah, j.1, 1978, h. 294. Lihat juga, Zaki Najib, *al-Mantiq al-Wadīyy*, h. 221.

²Mahmūd Qāsimī, *Op.cit.*, h. 10.

³Al-Nashshār, *Nash'ah*, h. 74. Untuk menjelaskan secara terperinci tentang penggunaan pengaruh *Mantiq* ke atas pelbagai institusi pengajian theologi, Fekah, keilmuan dan Falsafah yang terdapat di dunia Islam, seorang tokoh Falsafah Islam terkenal, Dr. Ibrahim Madkūr telah menghasilkan satu karya terkenal dalam bahasa Perancis yang berjudul “*Organon d’Aristote dans le Monde Arabe*” (penulis)

diperkenalkan oleh Aristotle telah menguasai pemikiran orang-orang Islam setelah karya-karya *Mantiq* beliau diterjemahkan ke dalam bahasa Arab. Ini kerana metod ini bolch membantu pendebat-pendebat Islam untuk menguatkan hakikat-hakikat wahyu yang telah diturunkan dan juga untuk menangkis serangan-serangan hujah pihak musuh-musuh Islam terhadap Islam dengan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq*.¹

Walau bagaimana pun menurut beliau, *Mantiq* Aristotle hanya berjaya menguasai pemikiran orang-orang Islam dalam bidang *Mantiq* selepas kurun kelima hijrah.² Pandangan ini telah disanggah oleh Dr. Muhammad ‘Abd al-Sattār yang berpendapat bahawa setelah berakhirnya kurun ketiga Hijrah, *Mantiq* telah berjaya menguasai sepenuhnya ke atas sebahagian besar dari bidang-bidang pemikiran Islam.³

Dalam menangani persoalan ini, penulis lebih cenderung dengan pandangan yang telah dinyatakan oleh Dr. Muhammad ‘Abd al-Sattār yang berpendapat bahawa *Mantiq* sebenarnya telah mempengaruhi pemikiran Islam sebelum kedatangan kurun kelima hijrah lagi. Memang kita akui bahawa percampuran *Mantiq* secara hakiki dengan disiplin ilmu Islam yang berlaku pada kurun kelima hijrah merupakan bukti yang kuat menunjukkan terdapatnya unsur-unsur pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam. Namun terdapat di sana beberapa bukti yang jelas menunjukkan bahawa pemikir-pemikir awal Islam yang hidup sebelum kemunculan kurun kelima Hijrah juga telah menggunakan *Mantiq* Greek dalam bidang-bidang kajian mereka.

¹*Ibid.* 69. Lihat juga, al-Tawīl, *Op.cit.*, h. 16. Muhammad al-Bahī, *al-Janib al-Hadīyy*, h. 168.

²Al-Nashīḥār, *Ibid.*, h. 73.

³Muhammad ‘Abd al-Sattār, Dr., *al-Madrasah al-Salafiyah Wa Mawqif Rijālihā Min al-Mantiq Wa Ḥilm al-Kalām*, Kaherah, t.t., h. 135.

Persekutuan kehidupan mereka yang berlatar belakangkan suasana terdapatnya penyebaran yang meluas Falsafah Greek di Dunia Islam ketika itu sudah tentu sedikit sebanyak akan mempengaruhi pemikiran mereka untuk menceduk mana-mana disiplin pemikiran yang dianggap tidak bercanggah dengan agama Islam bahkan boleh dimanfaatkan untuk kebaikan Islam dan ummatnya.

Kita sedia maklum bahawa gerakan penterjemahan yang telah menyebabkan kemasukan disiplin *Mantiq* ke Dunia Islam telah berlaku pada peringkat awal pemerintahan kerajaan Abbasiyah lagi, iaitu bermula dari pertengahan kurun kelapan Masihi yang berterusan sehingga awal kurun kesepuluh Masihi.¹ Antara dorongan ke arah penterjemahan ini ialah kecenderungan umat Islam untuk melengkapkan diri mereka dengan senjata *Mantiq* bagi mempertahankan akidah mereka dari serangan pendebat-pendebat Yahudi, Kristian dan juga Majusi yang berhujjah menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* bertujuan untuk menolak serta memalsukan akidah Islam.² Dr. Ahmad Amin, melalui bukunya *Zuhr al-Islam*, berpendapat bahawa keperluan umat Islam untuk mempertahankan Islam dengan menggunakan senjata Falsafah (khususnya *Mantiq*), sebagai mana yang digunakan oleh musuh-musuh Islam untuk menantang ugama Islam, merupakan antara sebab bagi kemunculan ‘*Ibn al-Kalam*.³

Tambahan pula perinteraksian orang-orang Islam dengan masyarakat asing telah berlaku lebih awal daripada itu iaitu setelah negeri-negeri yang menaungi pusat pengembangan Falsafah Greek dapat ditakluki oleh orang-orang Islam. Interaksi secara

¹Al-Tawil, *Fi Turāqhīnā*, h. 74.

²Yūhānā Qamīr, *Op.cit.*, h. 132.

³Ahmad Amin, *Zuhr al-Islam*, j. 2., h. 50.

lisian antara orang-orang Islam sebagai pembuka negeri dengan masyarakat asing, walau pun bukan merupakan faktor utama bagi kemasukan pemikiran asing ke dalam pemikiran Islam, namun ia sedikit sebanyak mendorong ke arah berlakunya pertembungan pemikiran antara mereka dan sekaligus membuka ruang seluas-luasnya kepada orang-orang Islam untuk menceropong ke arah pelbagai jenis akidah kepercayaan serta Falsafah yang terdapat di negeri-negeri tersebut.

Memang tidak dinafikan bahawa pengaruh *Mantiq* dalam bentuk percampuran secara hakiki dan ketara antara disiplin tersebut dengan disiplin ilmu-ilmu Islam tidak berlaku sebelum kemunculan al-Imām al-Ghazālī, iaitu pada kurun kelima hijrah, namun penggunaan kaedah-kaedah *Mantiq* di kalangan tokoh-tokoh pemikir Islam awal khususnya dari kalangan pendokong aliran *al-Mu'tazilah*, *al-Ishā'iyyah* dan beberapa tokoh pemikir Islam awal seperti al-Imām al-Aṣḥā'ī (m. 330 H/ 941 M.), Ibnu Hazm al-Andalusiy (m. 452 H/ 1060 M.), al-Imām al-Haramayn (m. 478 H/ 1085 M.) dan lain-lain lagi menampakkan kepada kita betapa disiplin *Mantiq* sedikit sebanyak telah mula menyerapi pemikiran Islam ketika itu. Sumbangan yang telah diberikan oleh tokoh-tokoh pemikir awal Islam merupakan langkah perintis ke arah berlakunya penguasaan pengaruh *Mantiq* ke atas pemikiran Islam yang lebih jelas kelihatan setelah berlakunya percampuran *Mantiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam pada kurun kelima Hijrah.

3.4. PENGGUNAAN *MANTIQ* DI KALANGAN PEMIKIR AWAL ISLAM.

Sebelum kajian ini menghuraikan tentang persoalan ini, perlu dinyatakan bahawa ungkapan "pemikir awal Islam" yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah para

penikir Islam yang telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang pemikiran Islam sebelum kurun kelima hijrah iaitu satu period zaman yang mana percampuran secara ketara antara *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam, masih belum berlaku.

Kita sedia maklum bahawa kedatangan *Mantiq* ke Dunia Islam telah disambut baik oleh tokoh-tokoh pemikir awal Islam yang berkecimpung dalam bidang Falsafah seperti al-Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā dan juga Ibn Rūdh. Golongan yang digelar sebagai tokoh-tokoh Falsafah *Mantiq* dan ketuhanan ini telah memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan ilmu-ilmu Falsafah di Dunia Islam, samada di Timur Islam atau pun di Barat (Andalus). *Mantiq* Aristotle yang terkandung dalam kitabnya yang terkenal, *Organon* serta pengantar *Isagōgī* yang ditulis oleh Porphyry telah dibuat ulasan, ringkasan dan juga komentar oleh mereka.

Dalam kurun keempat Hijrah muncul satu kumpulan rahsia yang menamakan kumpulan mereka sebagai *Ikhwān al-Safā' Wa Khullān al-Wifa'*. Kumpulan yang dipercayai muncul di Basrah dan kemudiannya berkembang ke Baghdad, Damsyik, Kaherah dan lain-lain tempat ini¹⁶ telah banyak terpengaruh dengan *Mantiq* Greek dalam pemikiran mereka. Mereka telah menulis pelbagai risalah dalam bidang Falsafah termasuk *Mantiq*. Kesemua tokoh-tokoh Falsafah Islam yang awal telah menggunakan *Mantiq* Greek dalam bidang-bidang kajian mereka.

¹⁶Umar Farrukh, ‘Abqariyyah al-Arab’, h. 99.

Walau pun pandangan umum berpendapat bahawa pemikiran *Mantiq* Aristotle hanya banyak mempengaruhi pemikiran tokoh-tokoh Falsafah Islam sahaja, namun di sana terdapat bukti-bukti yang cukup kuat menunjukkan bahawa terdapatnya di kalangan pemikir-pemikir awal Islam, khususnya dari kalangan para *mutakallimīn* yang menunjukkan kecenderungan mereka menggunakan beberapa kaedah *Mantiq* dalam bidang theologi Islam, lebih-lebih lagi untuk tujuan menguatkan akidah Islam dengan menggunakan dalil-dalil akal serta mempertahankannya dari pemalsuan hujjah oleh musuh-musuh Islam. Aliran mazhab *al-Mu'tazilah* dan *al-Ash'irah* adalah dua contoh aliran mazhab yang jelas menggunakan *Mantiq* Greek dalam menegakkan pandangan dan pemikiran mereka.

3.4.1. *Al-Mu'tazilah*.

Aliran mazhab *al-Mu'tazilah*¹ adalah satu aliran mazhab yang menjadikan akal sebagai undang-undang atau konstitusi dan asas perbahasan mereka. Aliran mazhab ini adalah contoh aliran *mutakallimīn* yang menggunakan akal dan *Mantiq* dalam pelbagai urusan agama dan keduniaan mereka.² Pemimpin-pemimpin mereka seperti al-Nazzām (m. 221 H/ 845 M), Abū al-Hudhayl al-'Allāf (m. 235 H/ 849 M)³ dan al-Jāhīz (m. 255 H/ 869 M) merupakan antara contoh pemikir-pemikir *al-Mu'tazilah* yang menjadi

¹Aliran mazhab *al-Mu'tazilah* adalah satu aliran mazhab yang didokongi oleh sekumpulan pemikir Islam yang muncul di Basrah sejak pertengahan pertama kurun kedua Hijrah. Ia berkembang secara meluas di Dunia Islam dan pernah menjadi mazhab rasmi bagi negara Islam buat seketika (iaitu pada zaman pemerintahan al-Ma'mūn (m. 218 H/833 M). Baghdad yang menjadi pusat pemerintahan kerajaan Abbasiyah merupakan pusat pengajian dan pengajaran bagi pengikut-pengikut mazhab ini, lihat (Corbin, Henri, *Tarikh al-Falsafah al-Islamiyyah*, Beirut, 1983, h. 170.)

²Abī al-Wardī, Dr., *Mantiq Ibn Khaldūn Fi Qaw'i Itaqāratih Wa Shakkīyyatih*, Tunis, 1977, h. 200.

³Beliau membaca dan menelaah banyak karya tokoh-tokoh Falsafah Greek serta mencampurkan ungkapan-ungkapan kata mereka dengan ungkapan-ungkapan kata *al-Mu'tazilah*. Lihat ('Abd al-Rahmān Badawi, Dr. *Madāhiib al-Islamiyyah; al-Mu'tazilah*, Beirut, j. 1., 1970, h. 122.)

pelopor kepada aliran pemikiran yang berdasarkan akal dalam Islam. Mereka banyak menangkis serangan hujjah musuh-musuh Islam terhadap persoalan-persoalan akidah dengan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq*, bukan dengan nas-nas al-Quran dan al-Hadīth.¹

Pendokong-pendokong aliran mazhab theologi Islam ini telah berusaha secara bersungguh-sungguh untuk cuba memahami Falsafah Greek sejak ia mula berkembang ke Dunia Islam. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka untuk memanfaatkan Falsafah Greek dalam bidang kajian mereka merupakan satu usaha yang amat penting ke arah mengembangkan pemikiran Islam dan mempelbagaikannya.² Aliran ini dapat bertahan buat beberapa waktu di zaman pemerintahan kerajaan Abbasiyah.

Menurut Dr. Tawfiq al-Tawil, selepas berlakunya gerakan penterjemahan, pengaruh institusi-institusi Falsafah sebelum kedatangan Islam seperti Jindisafur, Harran dan Iskandariyyah terserlah dalam perdebatan-perdebatan *al-Mu'tazilah* dan juga perbincangan-perbincangan mereka.³ Ini kerana pemimpin-pemimpin *al-Mu'tazilah* telah banyak membaca karya-karya Falsafah Greek yang telah diterjemahkan. Tindakan tersebut telah menyebabkan metod ahli-ahli Falsafah Greek bercampur aduk dengan metod mereka dan berkembanglah satu ilmu yang dinamakan ‘*Iḥtī al-Kalām*.⁴

¹Hamid Tahir, Dr., *Madkhāl Li Dirāsat al-Falsafah al-Islāmiyyah*, Kaherah, 1985, h. 23

²Alī al-Wardī, *Op.cit.*, h. 200.

³Al-Tawil, *Fī Turāthīnā*, h. 86.

⁴Al-Shahrastānī, *Op.cit.*, h. 30.

Kenyataan Dr. Muhammad Mahrān di dalam bukunya "*Manhaj al-Baḥth Fi al-‘Ulūm al-Islāmiyyah*" yang menyebut bahawa setelah Falsafah Greek diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, terdapat sebahagian dari kalangan *mutakallimīn* yang mengambil sebahagian daripada teori dan istilah Falsafah Greek untuk menangani persoalan-persoalan yang berkait dengan akidah,¹ adalah jelas menggambarkan kepada kita betapa Falsafah Greek telah mula ditonjolkan dalam *‘Ilm a-Kalām*. Hasilnyalah lahirlah istilah-istilah Falsafah seperti *al-Tufrāh*, *al-Jawhar*, *al-Sirāq* dan lain-lain lagi dalam perbahasan *‘Ilm al-Kalām*.²

Tokoh-tokoh ulama *al-Mu’tazilah* adalah tokoh terpenting yang terlibat secara langsung dalam memperkenalkan istilah-istilah tersebut dalam kamus perbendaharaan kata pemikiran Islam. Golongan Muktazilah yang cuba menghafaz dan mengetengahkan istilah-istilah tersebut di dalam agama Islam telah dianggap oleh al-Qurtubī sebagai golongan bid’ah yang cuba untuk menimbulkan perkara-perkara yang pelik kepada *ahl al-Sunnah* dan menyelitkan unsur-unsur kesamaran ke dalam hati orang-orang yang lemah di kalangan umat Islam. Ekoran daripada itu, maka timbulah perkara-perkara bid’ah dalam masyarakat Islam, seperti timbulnya isu kemakhlukan al-Quran.³

Setelah mereka memahami ungkapan-ungkapan perkataan, istilah serta pandangan tokoh-tokoh Falsafah Greek berhubung dengan kosmolagi, ketuhanan dan juga *Mantiq*, mereka kemudiannya telah menggunakan kesemua itu (khususnya *Mantiq*)

¹Mahmūd al-Duṣūqī, Dr., *Manhaj al-Baḥth Fi al-‘Ulūm al-Islāmiyyah*, Kaherah, 1984., h. 338-339.

²Al-Tawīl, *Op.cit.*, h. 86.

³Al-Qurtubī, Abū ‘Abd Allah, Muhammad Ibn Ahmad, *al-Jāmi‘ Li Akhār al-Qur’ān*, Kaherah, j. 2, 1967, h. 213.

untuk menguatkan akidah Islam dan mempertahankannya dari serangan musuh-musuh Islam yang menggunakan senjata *Mantiq* bagi menolak akidah Islam yang menjadi pegangan umat Islam. Di zaman inilah *'Ilm al-Kalam* mula diresapi oleh pengaruh Falsafah dan juga *Mantiq* Greek.

3.4.2. *Al-Ashā'irah*

Sejarah merakamkan bahawa selepas kemunculan aliran *al-Mu'tazilah*, muncul pula di dunia Islam satu aliran baru dalam teologi Islam yang dikenali dengan aliran *al-Ashā'irah*.¹ Aliran ini jelas bertentangan dengan aliran *al-Mu'tazilah*. Kelantangan dan kehebatan pendokong *Mu'tazilah* dalam berhujjah akhirnya dapat ditandingi oleh kalangan pendokong aliran *al-Ashā'irah* bila mereka juga mula melengkapkan diri dengan pengetahuan Falsafah dan *Mantiq* untuk tujuan mematahkan hujjah-hujjah aliran *al-Mu'tazilah*. Kemunculan al-Imām Abū Ḥasan al-As̄īrī yang bertindak memalsukan ajaran-ajaran mereka² merupakan satu tamparan hebat kepada kewujudan aliran *al-Mu'tazilah* dan sekaligus menyumbang ke arah merosotnya pengaruh *al-Mu'tazilah* di Dunia Islam. Al-As̄īrī telah melengkapkan dirinya dengan senjata Falsafah bagi memerangi golongan-golongan yang dianggapnya bida'ah, termasuk *al-Mu'tazilah*.³

¹ *Al-Ashā'irah* adalah satu aliran mazhab dalam bidang theologi Islam yang telah diasaskan Abū al-Ḥasan al-As̄īrī (260-330 H/873-941 M.). Aliran mazhab ini banyak menyanggahi pandangan-pandangan aliran *al-Mu'tazilah* khususnya pandangan mereka yang menyatakan bahwa Allah s.w.t. wajib melakukan sesatu yang baik (*al-Ṣalāh*) dan sesuatu yang lebih baik (*al-Aslāḥ*). Pendokong-pendokong aliran ini juga berpendapat bahawa *ma'rifat* terhadap Allah boleh dicapai malalui akal manusia namun demikian ianya diwajibkan melalui *al-Sam'* (iaitu melalui wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada para RasulNya'a.s.. (penulis).

² Abdūl al-Shāfi'ī, *Op.cit.*, h. 188. Lihat juga, al-Qurṭubī, *Op.cit.*, h. 214.

³ Mahmūd al-Duṣūqī, *Op.cit.*, h. 3339.

Walau pun pendokong aliran *al-Ashā'irah* tidak meletakkan akal pada kedudukan yang terlalu mulia dan tinggi sebagaimana *al-Mutazilah*, namun mereka tidak terkecuali dari menggunakan *Mantiq* dalam perdebatan-perdebatan mereka. Mereka telah menyusun qias-qias *Mantiq* dan menggunakan *Mantiq* Aristotle dengan sebaik-baiknya. Fenomena penggunaan *Mantiq* dalam perdebatan golongan *al-Ashā'irah* ini adalah bukan sesuatu yang luar biasa memandangkan mereka hidup dan berada dalam persekitaran atau suasana terdapatnya penyebaran inclusus *Mantiq* Aristotle di Dunia Islam ketika itu, dimana ramai dari kalangan ulama-ulama Islam yang membuat ulasan dan ringkasan terhadap karya-karya *Mantiq* Aristotle.¹

Adalah jelas bahawa pemimpim agung bagi aliran ini iaitu al-Imām Abū al-Hasan al-Ashā'irī (m. 330 H/ 941 M.) juga telah banyak terpengaruh dengan kaedah *al-Qiyās* dan beberapa pengamatan *Mantiq* yang telah dikemukakan oleh Aristotle. Penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam ‘Ilm al-Kalām di kalangan pemikir-pemikir dari golongan *al-Ashā'irah* ini telah sampai kepada kemuncaknya setelah munculnya al-Imām al-Ghazālī.² Fenomena inilah pada anggapan penulis yang menyebabkan seorang tokoh pemikir Islam yang terkenal, Muhammad Iqbāl, berpendapat bahawa gerakan *al-Ashā'irah* adalah bertujuan untuk mempertahankan pandangan-pandangan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah* dengan menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* Greek.³

¹Ibrāhīm Madkūr, *Durius Fi Tārīkh al-Falsafah*, h. 61.

²Ibid.

³Muhammad Iqbāl, *Op.cit.*, h. 10.

Dari kalangan *al-Ashā'irah* juga, kita dapat i baha wa al-Imām al-Haramayn (m. 478 H/ 1085 M)¹, juga telah mengambil beberapa kaedah *Mantiq* khususnya kajian *al-Had* untuk dimasukkan di dalam kajian yang beliau lakukan. Langkahnya ini adalah jelas bertentangan dengan kecenderungan umum yang terdapat pada beberapa kumpulan aliran yang terdapat dalam masyarakat Islam di zamannya. Beliau berpendapat bahawa objektif hakiki bagi *al-Had* bukan untuk membezakan antara sesuatu yang didefinisikan dengan sesuatu yang lain, tetapi bertujuan untuk menjelaskan hakikat sesuatu, di mana melalui hakikat inilah ianya terbeza dari benda-benda yang lain selain darinya.² Ini bermakna beliaulah satu-satunya pemikir Islam di zaman beliau yang mengeluarkan fikrah tentang *al-Had* berdasarkan metod pemikiran *Mantiq* Aristotle.³

Di samping itu beliau juga, walau pun banyak menyanggahi banyak kenyataan yang terkandung di dalam *Mantiq* Greek, namun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa beliau telah terpengaruh dengan *Mantiq* Greek. Adalah didapati bahawa beliau cuba untuk mencampurkan *Mantiq* dengan *'Ilm Uṣūl al-Fiqh*.⁴ Penelitian kita terhadap kitab-kitab karangan beliau dalam bidang *al-Fiqh* dan *Uṣūl al-Fiqh* mendedahkan

¹Beliau ialah 'Abd al-Malik ibn 'Abd Allah ibn Yusuf ibn Muhammad al-Juwayni yang digelar sebagai Imām al-Haramayn. Diperanakkannya di Juwayni, salah satu daerah di Naisabur. Semasa hayatnya beliau pernah mengembawa ke Baghdad dan menetap di Makkah selama empat tahun sebelum beliau menetap di Madinah. Di Madinah beliau telah mengajarkan ilmu-ilmu Islam kepada umat Islam di sana dan banyak mengeluarkan fatwa-fatwa. Setelah beberapa lama, ia kembali semula ke Naisabur dan mengajar di madrasah *al-Nizāmiyyah* yang telah didirikan oleh *Nizām al-Mulk*. Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam bidang keilmuan. Antara karyanya yang terkenal ialah *al-'Aqidah al-Nizāmiyyah Fi ad-Arkan al-Islāmiyyah* dan juga *al-Irshād*. Meninggal dunia pada tahun 478 H/ 1085 M.

²Muhammad 'Abd al-Sattar, *al-Madrasah al-Salafiyyah*, h. 181.

³Ibid.

⁴Al-Nashshār, *Mañāhij al-Baḥiyah*, h. 89.

kepada kita bahawa terdapatnya kajian-kajian, istilah-istilah dan ceraian-ceraian fasał yang berkaitan dengan *al-Kalām*, *Manṭiq* dan juga Falsafah.¹

Dalam bidang ‘*Iḥtīf al-Kalām* pula, beliau telah mengemukakan satu metod yang mengetengahkan penggunaan dalil-dalil *qāfiyy* dan juga penyataan-penyataan yang berdasarkan kepada akal dalam membincangkan tentang persoalan-persoalan yang berkait dengan akidah Islam.² Antara dalil-dalil *qāfiyy* yang diiktiraf di zamannya ialah dalil-dalil yang berdasarkan kepada akal, *Manṭiq* dan juga Falsafah.³

Walau pun beliau berpegang dengan aliran mazhab *al-Aṣḥāfiyah*, namun ianya juga telah mengambil dan menggunakan *Manṭiq* Greek dalam berhujjah. Beliau menegaskan bahawa dalil-dalil akal yang berdasarkan kepada penggunaan mukadimah-mukadimah akal (*al-Muqaddimah al-‘Iqlīyyah*) adalah boleh menghasilkan keyakinan dan perlu diutamakan daripada dalil-dalil syara’. Ini kerana penggunaan dalil-dalil syara’ tanpa menggunakan akal menyebabkan berlakunya *dawr* (pusingan) yang dengan sendirinya menyebabkan dalil-dalil tersebut terbatal.⁴ Al-Imām al-Haramayn sebenarnya telah merintis jalan kepada muridnya, al-Imām al-Ğhazālī bagi mencampurkan *Manṭiq* secara hakiki dengan ilmu-ilmu Islam pada kurun kelima Hijrah.⁵

¹Muhammad al-Zuhaylī, Dr., *al-Imām al-Juwaynī*, Damshiq, 1986, h. 11.

²Lihat, al-Juwaynī, Imām al-Haramayn, ‘Abd al-Malik Ibn ‘Abd Allah, *Kitāb al-ibrāhīlūl li al-Qawāfi‘ at-Adillah Fi ‘Uṣūl al-‘Iqād*, Kuherah, 1950, h. 2.

³Muhammad al-Zuhaylī, *Op.cit.*, h. 95.

⁴ Siti Rugayah binti Hajji Tiba’, *al-Manhaj al-Manṭiqiy* ‘Indā Imām al-Haramayn Wa Aḥbaruh Fi al-Imām al-Ğhazālī, dalam *Islāmiyyāt*, Jurnal Pengajian Islam, Bangi, j. 13, 1992, h. 84.)

⁵Muhammad al-Zuhaylī, *Op.cit.*, h. 90.

Sebagai kesimpulannya kita menegaskan bahawa para pemikir awal Islam sebelum kemunculan al-Imām al-Ghazālī pada kurun kelima hijrah, telah menggunakan *Mantiq* Greek dalam kajian-kajian yang mereka lakukan. Aliran mazhab *al-Mu'tazilah* dan *al-Ashā'irah* merupakan dua aliran mazhab yang telah mengetengahkan *Mantiq* dalam perbahasan-perbahasan ilmiah mereka. Kecenderungan para pemimpin *al-Mu'tazilah* mendekati karya-karya Falsafah Greek yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab telah menyebabkan mereka terpengaruh dengan kaedah-kaedah *Mantiq* yang terdapat di dalam karya-karya tersebut. Mereka seterusnya menggunakan kaedah-kaedah tersebut untuk mempertahankan akidah Islam yang menjadi sasaran serangan musuh-musuh Islam dengan menggunakan senjata *Mantiq*.

Aliran mazhab *al-Ashā'irah* yang tidak meletakkan akal pada tahap yang tinggi sebagaimana *al-Mu'tazilah* juga tidak ketinggalan mengetengahkan *Mantiq* dalam perbahasan akidah mereka. Walau pun kita akui bahawa tahap penguasaan *Mantiq* Greek ke atas pemikiran mereka adalah tidak sama sebagaimana penguasaannya ke atas pemikiran tokoh-tokoh *al-Mu'tazilah* kerana mereka lebih mengutamakan wahyu berbanding dengan akal, namun ternyata kepada kita bahawa *Mantiq* juga telah mendapat kedudukan yang istimewa dalam pemikiran mereka.

Dr. Muhammad al-Bahī secara umumnya tidak menolak kemungkinan bahawa tokoh *al-Mu'tazilah* dan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah* yang menggunakan akal dalam kajian-kajian theologi mereka, telah terpengaruh dengan pemikiran Greek (termasuk *Mantiq*), sebagai mana yang berlaku kepada tokoh-tokoh Falsafah Islam seperti al-

Kindī, al-Fārābī, Ibn Sīnā dan juga Ibn Rūshd. Walau pun tahap pengaruh pemikiran tersebut ke atas tokoh-tokoh Falsafah adalah lebih kuat berbanding dengan tokoh-tokoh pemikir Islam dari golongan *mutakallimīn*, namun apa yang jelas kepada kita ialah *Mantiq* telah mendapat tempat yang istimewa dalam pemikiran mereka.

3.5. PERCAMPURAN MANTIQ DENGAN DISIPLIN-DISIPLIN ILMU ISLAM

Adalah tidak diragui bahawa pengaliran disiplin *Mantiq* ke Dunia Islam sedikit sebanyak telah memberi sumbangan ke arah perkembangan pemikiran Islam, khususnya pada kurun kelima Hijrah dan beberapa kurun selepasnya. Kehadirannya ke Dunia Islam telah menarik minat sebahagian tokoh-tokoh ulama dan pemikir Islam untuk menyerapkannya ke dalam beberapa disiplin ilmu Islam. langkah tersebut telah menyebabkan Falsafah Greek, (*Mantiq* khususnya) telah berjaya mempengaruhi hampir keseluruhan ilmu-ilmu Islam seperti ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*, *al-Fiqh*, ilmu-ilmu bahasa seperti *al-Nahw*, *al-Šarf*, dan juga *al-Balaghah*.¹

Penelitian penulis terhadap beberapa buku Falsafah dan pemikiran Islam yang ditulis oleh pemikir-pemikir Islam dahulu dan kini, mendedahkan kepada kita betapa *Mantiq*, di atas sifatnya sebagai komponen utama Falsafah Greek, telah banyak mempengaruhi disiplin ilmu-ilmu Islam termasuk ilmu-ilmu bahasa Arab. Sesungguhnya pengaruh *Mantiq* Greek terhadap pemikiran Islam adalah jelas kelihatan setelah berlakunya percampuran secara hakiki antara *Mantiq* dengan beberapa disiplin

¹Muhammad al-Bahī, *al-Janib al-Ḥāfiyy*, h. 139.

ilmu Islam pada kurun kelima hijrah. Hal inilah yang mendorong al-Nashshār untuk menyimpulkan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh al-Imām al-Ghazālī dalam mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam merupakan faktor utama bagi penguasaan *Mantiq* ke atas pemikiran Islam, bukannya melalui peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh pemikir *al-Mutazilah*.¹

Walau bagaimana pun, dalam hal ini penulis berpendapat bahawa kecenderungan-kecenderungan awal para pemikir Islam awal untuk memanfaatkan sebahagian dari kaedah-kaedah *Mantiq* untuk tujuan mempertahankan akidah umat Islam merupakan pembuka jalan kepada penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam bentuk percampurannya secara hakiki dengan disiplin-disiplin ilmu Islam. Selain daripada itu, percampuran ini juga bukan berlaku secara drastik. Ianya dimulai dengan langkah al-Imām al-Ghazālī sendiri sebelumnya, iaitu berusaha mengetengahkan beberapa contoh permasalahan *al-Fiqh* dan *al-Aqīdah* dalam menerangkan kaedah-kaedah *Mantiq* yang sulit untuk difahami. Hal ini amat nyata terserlah dalam karya-karya beliau seperti *Miṣyār al-‘Ilm*, *Mihāk al-Nazar* dan *Qisṭas al-Mustaqīm*.

Untuk membincangkan persoalan ini, kajian ini hanya akan memfokuskan perbincangan kepada percampuran disiplin *Mantiq* dengan disiplin *‘Ilm al-Kalām* dan *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* sahaja, sebagai mewakili disiplin-disiplin ilmu yang lain kerana kedua-dua disiplin ilmu ini muncul dan berkembang di zaman berlakunya penyebaran Falsafah Greek secara meluas di Dunia Islam. Kedua-dua disiplin ini secara langsung

¹Al-Nashshār, *Muāhib al-Baqīyah*, h. 98-99.

berinteraksi dengan Falsafah Greek sehingga berlaku percampuran secara ketara antara kedua-dua disiplin ini dengan ilmu Falsafah Greek, khususnya *Mantiq*. Hal ini telah dibincangkan secara meluas oleh tokoh-tokoh pemikir Islam moden seperti Muṣṭafa Ḥāfiẓ al-Rāziq, Dr. Ibrāhīm Madkūr, Dr. ‘Alī Samī’ al-Naṣīḥshār, Dr. Muḥammad al-Bahī, Dr. Muḥammad Ḥāfiẓ al-Sattār dan lain-lain lagi.

3.5.1. *Ilm al-Kalām*

Ilm al-Kalām adalah satu disiplin ilmu Islam yang menfokuskan kajiannya kepada bidang ketuhanan, kenabian dan perkara *al-Sam‘iyāt*.¹ Kemunculan disiplin ilmu ini adalah ekoran daripada pertelingkahan pendapat yang berlaku di kalangan umat Islam berkisar kepada isu kepimpinan (*al-Imāmah*). Ianya berlaku di kalangan beberapa kelompok umat Islam seperti *al-Khawārij*, *al-Qadariyyah*, *al-Murji'ah* dan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā‘ah* dan *Shi‘ah*. Perbahasan tentang isu ini akhirnya menular ke dalam soal-soal akidah. Perbincangan tentang ilmu ini menjadi semakin hebat apabila munculnya aliran-aliran baru selepasnya seperti *al-Mutazilah*, *al-Ashā’irah* dan *al-Māturidiyyah*.

Adalah jelas bahawa kemunculan ilmu ini telah dikaitkan dengan keperluan umat Islam sendiri untuk menangkis dan mematahkan hujjah yang dikemukakan oleh seteru-seteru mazhab masing-masing dalam membincangkan permasalahan yang berkait dengan akidah Islam. Fenomena ini berlaku di kalangan pendokong-pendokong aliran mazhab seperti *al-Khawārij* dan *al-Murji'ah* yang disusuli kemudiannya oleh *al-*

¹ *Al-Sam‘iyāt* ialah perkara-perkara ghaib yang telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. seperti kehidupan di alam kubur, hari akhirat, padang Mahsyar, Neraka, Syurga dan sebagainya.

Mu'lazilah dan juga *al-Ash'ariyyah*.¹ Kemunculannya juga telah dikaitkan oleh para sarjana dengan beberapa fenomena lain seperti berlakunya pertentangan pendapat antara ajaran Islam dengan pemikiran asing, munculnya kesedaran untuk mempertahankan doktrin-doktrin Islam dari serangan musuh-musuh Islam dan kesedaran untuk mempertahankan akidah Islam dari serangan hujjah golongan *'aqliyyūn*, iaitu golongan yang terlampau mengagungkan akal dalam berhujjah.²

Menurut al-Nashshār, disiplin ini pada asalnya adalah bersih dan tidak bercampur aduk dengan sebarang fikrah pemikiran asing (khususnya *Mantiq*) sehingga munculnya kurun kelima Hijrah.³ Walau pun *'ilm al-Kalām* muncul di bawah naungan Islam, namun akhirnya ia telah banyak diresapi oleh unsur-unsur pemikiran asing sehingga pada suatu ketika, *Mantiq* Greek telah dijadikan sebagai alat bagi disiplin ini selepas kemunculannya.⁴ Ibn Khaldūn secara terbuka mengakui bahawa perbahasan *'ilm al-Kalām* telah bercampur aduk dengan perbahasan Falsafah pada peringkat-peringkat akhir proses perkembangannya, sehingga kedua-duanya sukar untuk dibezakan antara satu sama lain.⁵ Kenyataan Ibn Khaldūn di atas secara tidak langsung juga merujuk kepada penyerapan pengaruh *Mantiq* terhadap *'ilm al-Kalām* pada peringkat akhir proses perkembangannya.

¹Umar Farrūkh, *Abqariyyah al-'Arab*, h. 30.

²Abd al-Rahmān Shah Wali, Dr., *al-Kindī Wa Āra'uh al-Falsafiyah*, Islamabad, 1974, h. 37-38.

³Al-Nashshār, *Nashshār*, h. 31.

⁴Al-Tawil, Tawfiq. *Usus al-Falsafah*, Kaherah, 1958, h. 426.

⁵Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 516.

Terdapat ramai dari kalangan ulama-ulama *al-Kalām* yang menegaskan bahawa ‘Ilm al-Kalām memerlukan *Mantiq* bagi mengulas serta mengisbatkan persoalan-persoalan yang dibincangkan di dalamnya. Fenomena ini jelas berlaku di zaman pemerintahan al-Ma’mūn¹ iaitu setelah berlakunya gerakan penterjemahan yang membuka ruang seluas-luasnya kepada umat Islam untuk mengkaji dan memahami tentang Falsafah Greek bersama-sama dengan metod-metodnya sekaligus.²

Penyerapan pengaruh *Mantiq* terhadap disiplin teologi Islam ini adalah lebih jelas kelihatan setelah berlakunya percampuran *Mantiq* dengan disiplin ‘Ilm al-Kalām. Hal ini terjadi selepas munculnya beberapa orang tokoh ulama Islam dari kalangan *mutakallimīn* yang mempunyai tanggapan yang positif terhadap disiplin asing ini. Mereka telah memainkah peranan yang aktif menghasilkan karya-karya ilmiah dalam bidang ‘Ilm al-Kalām yang berasaskan kepada metod baru yang dikenali sebagai metod orang-orang terkemudian (*ta’riqah al-Mutakallimīn*). Metod ini telah meletakkan *Mantiq* Greek sebagai satu disiplin ilmu yang perlu difahami oleh seseorang yang ingin mendalami dalam bidang ‘Ilm al-Kalām. Ini kerana *Mantiq* telah dianggap sebagai mukadimah penting bagi ‘Ilm al-Kalām. Penghasilan karya ‘Ilm al-Kalām yang berasaskan kepada metod baru ini telah dirintis oleh al-Imām al-Għażali dan diikuti oleh al-Imām Fakh al-Dīn al-Rāzī (m. 606 H./ 1209 M.)³

¹Fenomena ini berlaku kerana Al-Ma’mūn telah bertindak membantu dan menaungi gerakan *al-Mu’tazilah*. Inilah yang menyebabkan berlakunya fitnah kemakhlukan al-Qur'an (*Khalq al-Qur'ān*), yang menyaksikan bagai mana ramai dari kalangan ulama Islam yang diancam, diseksual dan dipenjarakan sebagaimana yang berlaku kepada al-Imām Ahmad bin Ḥambal (164-241 H/780-855 M.) yang enggan menerima pandangan yang menyatakan bahawa al-Qur'an adalah makhluk.(penulis).

²Al-Tawil, *Usus al-Falsafah*, h. 433.

³Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 515. Lihat juga, Muṣṭafā ‘Abd al-Rāziq, Dr., *Tamhīd Li Tarīkh al-Falsafah al-Islamiyyah*, kaherah, 1966, h. 294.

Metod baru ini adalah amat jauh berbeza dengan metod sebelumnya yang dikenali sebagai metod orang-orang terdahulu (*Tariqah al-Mutaqaddimīn*). Para pendokong metod ini yang diketuai oleh Abu Bakr al-Baqillānī (m. 403 H./ 1013 M.) dan al-Imām al-Haramayn (m. 478 H./ 1085 M.) tidak meletakkan *Mantiq* sebagai satu mukadimah penting bagi *'Ilm al-Kalām* dan tidak berusaha mengadunkan *Mantiq* secara hakiki dengan disiplin *'Ilm al-Kalām*. Ini kerana *Mantiq* pada ketika itu tidak begitu tersebar luas dalam masyarakat Islam. Keadaan ini berlaku kerana *Mantiq*, di atas sifatnya sebagai sebahagian daripada Falsafah Greek, telah dihukumkan haram dan ditegah pengajarannya dalam masyarakat Islam pada ketika itu.¹

Ibn Taymiyyah, seorang tokoh ulama yang diketahui umum telah menolak dan menempelak metod orang-orang yang terkemudian yang telah dirintis oleh al-Imām al-Ghazālī, telah meletakkan al-Baqillānī sebagai seorang tokoh *mutakallim* terbaik dari kalangan pendokong *al-Asħaħirah* yang tidak boleh ditandingi oleh sesiapa pun yang muncul sebelum dan selepas kematiannya.² Penulis percaya bahawa pujian melangit yang terbit daripada tokoh mujaddid Islam ini terhadap beliau adalah didorong oleh faktor kekaguman beliau sendiri terhadap al-Baqillānī yang tidak berusaha mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin *'Ilm al-Kalām* di dalam karya-karya ilmiah beliau yang berkaitan dengan *'Ilm al-Kalām*.

¹Ibn Ḫaldūn, *Ibid.* Muṣṭafā 'Abd al-Rāziq, *Ibid.*

²Ibn al-'Imād, *Shadħarat al-Dhethhab*: j. 3, h. 169

Ulama-ulama yang mendokongi metod terkemudian ini, misalnya al-Ghazālī, tidak terkecuali menolak Falsafah Greek, khususnya Falsafah ketuhanan¹, namun mereka tidak menolak *Manṭiq* yang telah dianggap oleh mereka sebagai satu cabang Falsafah yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan urusan agama sebagaimana juga Geometri.² Al-Ghazālī telah memainkan peranan yang besar dalam mengadunkan ‘ilm al-Kalām dengan *Manṭiq*.

Peranan inilah menurut pandangan penulis yang mendorong Ibn Tufayl untuk menyimpulkan bahawa beliau adalah seorang tokoh *mutakallim* dari kalangan ulama *mutakallimin*, seorang tokoh *faylasūf* dari kalangan ahli Falsafah dan seorang tokoh *sufiyy* dari kalangan ulama Tasawwuf.³ Kenyataan Ibn Tufayl ini yang dilihat oleh Dr. ‘Abd al-Rahmān Shāh Wālī sebagai bukti yang menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengetahuan yang luas tentang disiplin-disiplin ilmu seperti ‘ilm al-Kalām, Falsafah dan Tasawwuf secara umumnya dan terpengaruh dengan disiplin-disiplin tersebut,⁴ menunjukkan secara jelas bahawa beliau telah terpengaruh dengan *Manṭiq* Aristotle. Ini kerana beliau telah menolak sebahagian besar doktrin-doktrin asing yang terkandung dalam cabang-cabang Falsafah lain selain daripada *Manṭiq*, Aritmetik dan Geometri (*al-Hendasah*). Pengaruh inilah yang mendorong beliau untuk memperkenalkan *Manṭiq* di dalam mukadimah *al-Mustasyfa*.

¹ Al-Ghazālī telah menolak banyak pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli Falsafah dalam tiga persoalan utama iaitu pendapat mereka yang menyatakan bahawa alam ini *qadim* (sediakala), Allah s.w.t. hanya mengetahui tentang undang-undang *al-Kulliyat* sahaja dan tidak mengetahui tentang perkara-perkara *al-Juz'iyat* serta pendapat mereka yang menyatakan bahawa hanya roh manusia sahaja yang dibangkitkan, bukannya jasad. Hujjah-hujjah al-Imam al-Ghazālī berhubung dengan persoalan ini adalah terkandung di dalam kitabnya yang terkenal, *Tahāfiẓ al-Falāsifah* (penulis).

² Al-Ghazālī, *al-Munqidh*, h. 20. Lihat juga, al-Ghazālī, *Tahāfiẓ al-Falāsifah*, h. 82.

³ Muḥammad Ghallāb, *Op.cit.*, h. 328.

⁴ Abd al-Rahmān Shāh Wālī, *Op.cit.*, h. 41.

Semenjak dari detik itulah, *'Ilm al-Kalām* secara jelas bercampur aduk dengan Falsafah (termasuk *Mantiq*) sehingga kedua-duanya sukar untuk dibezakan antara satu sama lain. Antara karya-karya terkenal yang secara jelas dipengaruhi oleh *Mantiq* Greek ialah kitab *Muḥayyala Aṣkār al-Mutaqaddimīn Wa al-Muta'akhirīn* karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (m. 672 H./ 1274 M.),¹ *Abkār al-Aṣkār* karangan al-Āmīdī (m. 631 H./ 1233 M.),² *Tawālī al-Anwār* karangan al-Imām al-Baydawī (m. 691 H./ 1286 M.) dan juga *al-Mawaqif* karangan 'Addu al-Dīn al-İji (m. 756 H./ 1355 M.).³

Lazimnya *Mantiq* telah dijadikan sebagai mukadimah bagi karya-karya tersebut. Huraian ringkas tentang kaedah-kaedah *Mantiq* yang berkisar dalam skop perbahasan *al-Taṣawwurāt*, *al-Taṣdiqāt* dan *al-Istid'lāt* telah dijelaskan dalam mukadimah tersebut. Selain daripada itu, kaedah-kaedah *Mantiq*, khususnya *al-Qiyās* telah digunakan secara meluas bagi mengisbatkan kewujudan Allah dan juga sifat-sifatNya. Hal ini dapat kita lihat umpamanya dalam kitab *al-Iqtisād Fī al-Itiqād*, karangan al-Imām al-Ghazālī dan juga kitab *Asās al-Taqdīs*, karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī.

Keadaan ini berterusan untuk beberapa waktu yang agak lama sehinggalah munculnya Ibn Taymiyyah. Beliau bersama muridnya Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (m. 751 H./ 1350 M.) menyeru masyarakat Islam supaya kembali menghidupkan aliran

¹Beliau juga telah membuat ulasan terhadap kitab Ibn Sīnā yang terkenal, iaitu *al-Iḥkār Wa al-Tambīhāt* dan telah menghasilkan sebuah buku yang terkenal dalam bidang *Mantiq* iaitu *al-Tajrīd Fī al-Mantiq*. (penulis)

²Sulaymān Sulaymān Khamīs, *Nihāyah al-Falsafah al-Islāmiyyah Fī al-Mashriq Wa Bidāyatuhā Fī al-Maghrib*, Kaherah, 1965, h. 16.

³Ibid. lihat juga Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 516., Muṣṭafā 'Abd al-Rāzīq, *Op.cit.*, h. 294.

mazhab *al-Salaf* sebagaimana yang dipegang oleh para sahabat Rasulullah s.a.w dan para ulama *al-Salaf*. Beliau telah menolak *Mantiq* Greek yang telah sekian lama tersebar dalam masyarakat Islam serta mempengaruhi pemikiran Islam pada ketika itu.¹

Berdasarkan kepada kenyataan di atas kita merumuskan bahawa al-Imām al-Ghazālī telah memainkan peranan yang besar pada kurun kelima Hijrah dalam menyerapkan pengaruh *Mantiq* dalam ‘Ilm al-Kalām. Langkah perintis beliau memperkenalkan metod orang-orang terkemudian yang mengetengahkan disiplin *Mantiq* dalam penghasilan karya-karya ilmiah menyebabkan *Mantiq* telah bercampur aduk dengan ‘Ilm al-Kalām. Terdapat ramai dari kalangan tokoh-tokoh ulama terkemudian seperti al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, al-Bayḍawī, al-Ījī dan lain-lain lagi yang telah meneruskan langkah tersebut. Al-Nashshār menegaskan dalam bukunya *Nash'ah al-Fikr al-Falsafiyy Fī al-Islam*, bahawa ‘Ilm al-Kalām pada hakikatnya adalah merupakan satu disiplin ilmu Islam yang tulin sehingga menjelangnya kurun kelima Hijrah.² Kenyataan beliau ini adalah jelas merujuk kepada kurun kemunculan al-Imām al-Ghazālī.

3.5.2. ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh.

‘Ilm Uṣūl al-Fiqh yang merupakan semulia-mulia ilmu syara’⁴ dan yang paling banyak faedahnya menurut Ibn Khaldūn,³ adalah merupakan satu disiplin ilmu Islam

¹Huraian secara terperinci tentang sikap Ibn Taymiyyah dan Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah terhadap *Mantiq* akan dikemukakan oleh penulis dalam bab yang seterusnya.

²Al-Nashshār, *Nash'ah*, h. 31.

³Ibn Khaldūn, *Op cit.*, h. 501.

pertama yang telah berjaya disusun oleh al-Imām al-Shāfi‘ī (m. 204 H./ 820 M.), berasaskan kepada metod ilmiah.¹ Beliau telah menyusun ilmu ini dalam kitabnya yang terkenal iaitu *al-Risālah*.² Ilmu ini seterusnya dikembangkan oleh beberapa orang ulama Islam dengan membuat beberapa *ulasan* (*sharḥ*) ke atas *al-Risālah*.³ Perkembangan yang berlaku kepada ‘Ilm al-Kalām juga adalah hampir sama dengan apa yang berlaku kepada ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*.

Menurut Dr. Taha Jābir al-‘Ulwānī, perkembangan yang lebih ketara bagi ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* selepas kemunculannya hanyalah berlaku setelah menjelangnya kurun kelima Hijrah.⁴ Adalah jelas kepada kita bahawa perkembangan yang telah dimaksudkan oleh beliau di atas adalah merujuk kepada berlakunya percampuran ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* dengan disiplin *Mantiq*. Langkah perintis ke arah berlakunya percampuran secara hakiki antara *Mantiq* dan ilmu-ilmu Islam terutamanya ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* telah dilakukan oleh al-Imām al-Ghazālī.

Al-Ghazālī begitu berminat untuk mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* kerana beliau berpendapat bahawa semulia-mulia ilmu ialah yang bersebat di dalamnya akal dan wahyu dan yang berpadu di dalamnya fikiran dan syara’. ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* adalah tergolong dari jenis ini. Ianya mengambil secara saksama kejernihan akal

¹Mustafa ‘Abd al-Raziq, *Op.cit.*, h. 232.

²Ibid.

³Antara tokoh-tokoh ulama yang telah membuat ulasan terhadap *al-Risālah* ialah Muhammad ibn ‘Abd Allāh al-Sīrfī (m. 330 H./ 932 M.), Hassan ibn Muhammad al-Naysābūrī (m. 349 H./ 960 M.), Muhammad ibn ‘Alī al-Shāfi‘ī (m. 365 H./ 975 M.) Muhammad ibn Abdullah al-Naysābūrī al-Slaybānī (m. 388 H./ 998-999 M.) dan lain-lain lagi. Lihat, (al-Nashshār, *Manhajīn Wa Tuṣbīqūh*, h. 86.)

⁴Lihat, al-‘Ulwānī, Taha Jābir, Dr., *Uṣūl al-Fiqh; Manhajun Wa Tuṣbīqūh*, dalam *Ishān; Souch And Purpose Of Knowledge (Islamization Of Knowledge)*, Virginia, series 5, 1988, h. 257.

dan syara⁴. Ianya bukan semata-mata berdasarkan akal sehingga tidak diterima baik oleh syara⁴ dan tidak juga terasas atas semata-mata taklid yang tidak disokong oleh akal.¹ Beliau kemudiannya telah mengemukakan metodnya yang tersendiri dalam penulisan *'Ilm Usūl al-Fiqh* dengan menghubungkannya dengan *Mantiq* yang telah dianggapnya sebagai satu bab dari bab-bab metodologi kajian ilmiah.²

Fenomena ini berlaku kerana beliau berpandangan bahawa *Mantiq* adalah wajib dipelajari orang-orang Islam. Beliau juga telah menjadikan *Mantiq* sebagai syarat bagi penghasilan sesuatu ilmu pengetahuan kerana ia mampu berfungsi sebagai neraca ukuran atau timbangan bagi ilmu-ilmu yang dimiliki oleh manusia. al-Imām al-Ghazālī telah banyak menghasilkan karya-karyanya dalam bidang *Mantiq* semasa hayatnya. Karya-karya tersebut adalah seperti kitab *Miṣyār al-'Ilm*, *Mihāk al-Nazar*, *al-Qistās al-Mustaqīm* dan juga *Muqāṣid al-Falāṣifah*.

Usahanya yang terpenting ke arah memasukkan *Mantiq* ke dalam ilmu-ilmu Islam bukan diambil kira dari penghasilan karya-karya *Mantiq* yang mempunyai uslub atau gaya bahasa yang mudah difahami tersebut, tetapi diambil kira dari usahanya menghasilkan satu mukadimah *Mantiq* yang dimasukkan di dalam kitab ulungnya dalam bidang *'Ilm Usūl al-Fiqh* iaitu *al-Mustayfa*³. Mukadimah ini menurut al-Imām al-

¹ Al-Ghazālī, *al-Mustayfa Min 'Ilm Usūl*, Kaherah, j. 1, 1904, h. 3 . Lihat juga, Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Dr., *Sumbangan ai-Ghazālī Terhadap Pengajian Ilmu Hukum*, Kuala Lumpur, 1988, h. 129-130.

² Ihsayn Amin, Dr., *al-Ghazālī; Faqihān Wa Faylasūfān Wa Mutakallimān*, Baghdad, 1963, h. 165,

³ Muhammad Fathī 'Uthman, *Op.cit.*, h. 161. Menurut Ibn Khaldūn, kitab *al-Mustayfa* karangan al-Imām al-Ghazālī dan kitab *al-Burhān* karangan al-Imām al-Haramayn merupakan dua kitab terbaik yang telah dihasilkan oleh para *mutakallimīn* dari aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* dalam bidang *Usūl al-Fiqh*, lihat (Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 816.)

Ghazali bukan sebahagian daripada ‘Ilm Usūl al-Fiqh dan bukan dikhurasukan kepada ‘Ilm Usūl al-Fiqh sahaja, tetapi juga untuk semua ilmu pengetahuan. Beliau menyebut secara jelas bahawa sesiapa yang tidak mengetahui tentang mukadimah ini (mukadimah *Mantiq*), maka ilmunya tidak boleh dipercayai.¹ Berasaskan kepada kenyataan inilah, Pengetahuan tentang *Mantiq* Aristotle telah dianggap sebagai salah satu daripada syarat-syarat ijihad dan hukum mempelajarinya adalah fardu kifayah.² Walau bagaimana pun beliau tidaklah menekankan sangat kepada syarat ini.³

Ungkapan kata-kata di atas juga telah mempengaruhi ramai dari kalangan ulama terkemudian yang banyak menghasilkan karya-karya ilmiah dalam bidang ‘Ilm Usūl al-Fiqh dan lain-lain bidang ilmu pengetahuan. Mereka mula mempelajari *Mantiq* bagi melengkapkan diri mereka dengan syarat-syarat untuk melakukan pengkajian dan berijihad di samping bertujuan untuk melayakkan diri mereka untuk mengarang dalam sesuatu ilmu dan mengeluarkan fatwa.

Ternyata bahawa pengaruh pemikiran al-Ghazālī berhubung dengan *Mantiq* ini adalah amat besar kepada para ulama terkemudian, sehingga terdapat kalangan ulama yang menjadikan mata pelajaran *Mantiq* sebagai fardu kifayah, malah ada pula yang menganggapnya sebagai fardu ‘ain. Ini jelas bertentangan dengan pandangan sesetengah

¹ Al-Ghazālī, *al-Mustasfa*, h. 7. Lihat juga, al-Suyūtī, *Sawn al-Mantiq*, h. 1. Ungkapan kata-kata di atas menurut al-Shaikh ‘Abd al-Karīm Muḥammad, adalah ditujukan kepada kumpulan cendekiawan atau pun ahli-ahli fikir, bukan golongan manusia yang mempunyai fitrah dan likrah yang suci bersih seperti para sahabat Rasulullah s.a.w., para *al-Tabi’īn*, para imam *al-Mujahidin* dan orang-orang yang seumpama mereka. Ini kerana mereka melihat sesuatu dengan pancaran cahaya fitrah dan dapat mencapai ilmu-ilmu pengetahuan yang tidak mampu dicapai oleh pakar-pakar *Mantiq*. *Mantiq* yang dimaksudkan oleh al-Imam di sini adalah *Mantiq* yang bersih, bukan *Mantiq* kuno yang bercampur aduk dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan agama Islam. Lihat (⁴Abd al-Karīm Muḥammad, *Op.cit.*, h. 34 (nota kaki).

² *Ibid*.

³ Mahmood Zuhdi, *Op.cit.*, h. 152.

ulama seperti Ibn al-Šalāḥ yang berpendapat bahawa mempelajari *Mantiq* adalah haram hukumnya malah boleh membawa kepada zindiq.¹

Menurut Ibn Taymiyyah, apa yang telah dilakukan oleh al-Imām *al-Ghazālī* di peringkat pertengahan hidupnya ini telah menyebabkan sebahagian dari pengkaji-pengkaji Islam memasukkan *Mantiq* Greek ke dalam ilmu-ilmu pengetahuan mereka sehingga mereka menyangka bahawa tidak ada metod lain selain dari metod ini (metod mengadunkan disiplin *Mantiq* dengan ilmu-ilmu Islam). Mereka tidak mengetahui bahawa ramai dari kalangan ulama dan cendekiawan Islam yang telah menempelak metod tersebut. Menurut beliau lagi, ramai dari kalangan pengkaji-pengkaji Islam yang telah berjaya menghasilkan banyak karya-karya dalam bidang ilmu pengetahuan berdasarkan kepada metod yang telah dirintiskan oleh al-Imām *al-Ghazālī* tersebut.²

Semenjak dari itu juga, golongan *usūliyyūn* yang terdiri dari kalangan *mutakallimīn* telah terpengaruh dengan *Mantiq* Greek. Mereka telah mengemukakan satu ceraian fasal (*al-Faṣl*) yang khusus yang disebut sebagai mukadimah *al-Kalām* (*al-Muqaddimāt al-Kalāmiyyah*) atau mukadimah tentang pengetahuan asing (*al-Muqaddimāt al-Dakhilah*) di dalam karya-karya *Uṣūl al-Fiqh* yang telah dihasilkan oleh mereka. Di dalam mukadimah ini terkandung penjelasan secara ringkas mereka terhadap *Mantiq* Aristotle atau *Mantiq* pengulas-pengulas Islam yang mengulas tentang *Mantiq*

¹Muhammad Kamil bin Haji Abdul Majid, Prof Madya, *Pengaruh Imām al-Ghazālī Dalam Falsafah Dan Tasawwuf*, Kuala Lumpur, 1988, h. 462. Sikap golongan ulama yang mengharankan *Mantiq* termasuk Ibn al-Šalāḥ akan dibincangkan oleh penulis dalam bab yang seterusnya.

²Ibn Taymiyyah, *Al-Radd*, h. 198.

Aristotle dan juga *Mantiq* aliran Stoik. Perbahasan tentang lafaz adalah antara perbahasan yang telah terpengaruh dengan *Mantiq* Greek¹.

Percampuran antara *Mantiq* dengan *Ilm Usūl al-Fiqh* ini tidak berlaku pada zaman al-Imām al-Shāfi‘ī yang mengasaskan disiplin ini. Kita tidak mempunyai bukti yang cukup kuat yang menunjukkan bahawa beliau telah menerima dan terpengaruh dengan disiplin peninggalan Aristotle ini. Penelitian kita terhadap kandungan *al-Risālah* juga, tidak menunjukkan kepada kita bahawa terdapat di dalamnya satu mukadimah khusus yang membahaskan tentang kaedah-kaedah *Mantiq*, sebagaimana yang terdapat di dalam *al-Mustasyfa*, karangan al-Imām al-Ghazālī.

Ringkasnya kita menyimpulkan bahawa percampuran secara hakiki antara ‘Ilm Usūl al-Fiqh dengan *Mantiq* adalah secara tepatnya berlaku setelah adanya penglibatan secara serius sebahagian dari kalangan ulama *mutakallimīn* dalam menghasilkan karya-karya dalam bidang ‘Ilm Usūl al-Fiqh.

Antara karya-karya yang termasyur yang telah dihasilkan oleh mereka ialah kitab *al-Burhān* karangan Imam al-Haramayn, *al-Mustasyfa* karangan al-Imām al-Ghazālī,² *al-‘Ahd* karangan ‘Abd al-Jabbār dan juga ulasannya, *al-Mu‘tamad*, yang telah

¹Antara topik utama bahagian ini yang terpengaruh dengan *Mantiq* Greek ialah pembahagian lafaz berdasarkan kepada umum makna dan khususnya. Kajian ini telah mempengaruhi ulama-ulama *Usūl al-Fiqh* terkemudian untuk memperkatakan tentang *al-Khāṣṣ* dan *al-Āmūr* dalam kitab-kitab karangan mereka. Contoh yang paling jelas ialah kitab *al-Iḥkām Fī Usūl al-Āhkām* karangan al-Āmīdī dan juga *Mukhtaṣar al-Muwaṭṭah*, karangan Ibn al-Hajjib, lihat (*al-Nashšār, Ma‘ārif al-Baḥth*, h. 37-38.)

²Menurut Ibn Khaldūn, kitab *al-Burhān* dan *al-Mustasyfa* merupakan dua kitab terbaik yang telah dihasilkan oleh ulama-ulama *mutakallimīn* dari kalangan pendokong-pendokong mazhab *al-Asy’arī* dalam bidang ‘Ilm Usūl al-Fiqh, lihat, (Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 816.)

ditulis oleh Abu al-Hasayn al-Baṣrī.¹ Antara karya-karya tersebut, kitab *al-Mustasyfa* adalah lebih terkedepan berbanding dengan karya-karya lainnya kerana kepopularan mukadimah *Mantiq* yang terdapat di dalamnya.

Sesungguhnya kita sedia maklum bahawa kecenderungan untuk mendekati warisan ilmu-ilmu pengetahuan Greek di Dunia Islam adalah pada mulanya dicetuskan oleh kalangan para ulama *mutakallimīn*. Jadi tidak hairanlah kalau mereka yang mempelopori usaha mengadunca *Mantiq*, yang dianggap boleh dimanfaatkan untuk kebaikan agama Islam dan umatnya, dengan disiplin ilmu Islam. Muṣṭafa ‘Abd al-Rāziq, seorang ulama terkenal dalam bidang Falsafah, merumuskan bahawa golongan *Mutakallimīn* semenjak dari kurun keempat Hijrah lagi telah mula mengarang dalam bidang ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*. Metod yang telah dipraktikkan oleh mereka telah berjaya mengatasi metod yang digunakan oleh golongan *Fugahāt*, sebab itulah pengaruh-pengaruh Falsafah dan juga *Mantiq* telah berjaya menyerap masuk ke dalam ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*.²

Berdasarkan kepada keterangan diatas, satu kesimpulan penting yang boleh kita buat ialah penglibatan ulama-ulama *al-Kalām* atau para *mutakallimīn* dalam penulisan ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* adalah faktor utama yang menyebabkan berlakunya percampuran *Mantiq* dengan ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*. Kenyataan ini juga menunjukkan kepada kita bahawa sebelum percampuran tersebut berlaku, ia sememangnya telah berjaya mempengaruhi ‘Ilm *al-Kalām*. Percampuran *Mantiq* dengan ‘Ilm *al-Kalām* dan

¹Muṣṭafa ‘Abd al-Rāziq, *Op. cit.*, h. 249.

²Ibid.

‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* membuktikan kepada kita dengan lebih jelas lagi bahawa *Mantiq* telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam di zaman penulisan ilmu-ilmu tersebut.

3.6. KEDUDUKAN *MANTIQ* DALAM KARYA-KARYA SILAM ULAMA.

Sesungguhnya nyata sekali bahawa berdasarkan kepada keterangan dan huraian-huraian yang telah dibentangkan oleh penulis dalam tajuk-tajuk di atas, *Mantiq* telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Sehubungan dengan ini, kita dapat bahawa di sana terdapat beberapa karya terkenal para ulama Islam yang telah meletakkan *Mantiq* pada kedudukan yang istimewa di dalamnya. Di samping itu terdapat karya yang walau pun mengandungi unsur-unsur *Mantiq*, namun *Mantiq* tersebut tidak boleh dianggap sebagai *Mantiq* Greek susunan Aristotle.

Umumnya kita mengetahui bahawa perbahasan *Mantiq* adalah berkisar kepada persoalan *al-Tayawwurāt*, *al-Tasdīqāt* dan juga *al-Istidlāl*. Ketiga-tiga persoalan ini sebenarnya telah diketengahkan oleh kebanyakan tokoh-tokoh ulama Islam dalam karya-karya mereka, khususnya selepas berlakunya percampuran *Mantiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam. Untuk mendapat gambaran yang jelas tentang persoalan ini, kajian ini memilih beberapa karya terkenal ulama seperti al-Imām al-Šāfiī, al-Imām Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan al-Imām al-Baydāwī sebagai mewakili keseluruhan para ulama Islam. Karya-karya mereka adalah berkaitan dengan bijang ‘Ilm *al-Kalām* dan ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh*.

Sehubungan dengan ini, kajian ini akan merujuk kepada beberapa karya terkenal para ulama yang disenaraikan di atas untuk melihat tentang sejauh mana *Mantiq* telah mendapat tempat yang sewajarnya dalam karya-karya mereka. Karya-karya yang dimaksudkan ialah kitab *al-Risalah* karangan al-Shāfi‘ī, *al-Mustayfa* karangan al-Imām al-Ghazālī, *Muḥayyad Afkār al-Mutaqaddimīn Wa al-Muta'akhirīn* karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan *Tawāli' al-Anwār*, karangan al-Imām al-Baydawī.

3.6.1. Al-Shāfi‘ī (m. 204 H./ 819 M.)

Al-Imām al-Shāfi‘ī merupakan seorang tokoh ulama, mujtahid dan pemikir Islam terkenal. Beliau telah berjaya menyusun dan memperkenalkan *‘Ilm Usūl al-Fiqh* melalui kitabnya *al-Risalah*. Memandangkan *al-Risalah* merupakan karya agung beliau, kajian ini akan cuba melihat sejauh mana kandungannya mengandungi unsur-unsur *Mantiq* dan adakah *Mantiq* tersebut boleh dianggap sebagai *Mantiq* Aristotle sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pengkaji.

Kita sedia maklum bahawa al-Shāfi‘ī merupakan seorang tokoh ulama yang amat lantang menolak disiplin *Mantiq* Aristotle melalui ungkapan beliau yang terkenal, sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Suyūtī, iaitu:

" Sesungguhnya manusia tidak akan menjadi jahil dan berpecah belah kecuali setelah mereka mula meninggalkan lisān al-‘Arab (iaitu ilmu-ilmu yang berasaskan kepada bahasa Arab) dan cenderung kepada lisān Aristotle (iaitu semua ilmu yang telah diperkatakan oleh Aristotle termasuk *Mantiqnya*)".¹

¹ Al-Suyūtī, *Ṣawn al-Mantiq*, h. 15. Ungkapan kata-kata ini, menurut al-Shāfi‘ī adalah diisyaratkan kepada beberapa peristiwa penting yang telah berlaku di zaman al-Mā'mūn seperti fitnah kemakhlukan al-Qur'an (*khulq al-Qur'an*), penafian *al-Ru'yah* serta munculnya beberapa perkara bid'ah lain yang berpunca dari kejahilan umat Islam memahami tentang bahasa Arab dan juga *‘Ilm al-Bulaghah*. Lihat, (al-Suyūtī, *Ibid*).

Kenyataan beliau di atas menggambarkan kepada kita betapa bencinya beliau terhadap semua ilmu yang berdasarkan kepada pemikiran Aristotle. Kita sedia maklum bahawa *Mantiq* merupakan hasil pemikiran Aristotle yang paling popular di kalangan masyarakat Islam setelah ianya diterjemahkan ke dalam bahawa Arab. Ini kerana ianya merupakan disiplin ilmu asing pertama yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa tersebut, atas arahan khalifah al-Mansūr dan juga al-Ma'mūn. Ini bermakna kenyataan beliau di atas secara jelas ditujukan juga kepada *Mantiq* Greek susunan Aristotle.

Ungkapan kata-kata al-Imām al-Shāfi'ī di atas telah diberi ulasan menarik oleh al-Imām al-Suyūtī di dalam kitabnya *Sawn al-Mantiq Wa al-Kalām 'An Fan al-Mantiq Wa al-Kalām*. Beliau menyatakan bahawa sesungguhnya al-Quran dan al-Sunnah adalah berasaskan istilah-istilah bahasa Arab. Semua mazhab yang dipegang oleh orang-orang Arab dalam soal-soal yang berkait dengan dialog, percakapan, berhujah dan pendalilan adalah bukan berasaskan kepada istilah-istilah Greek. Menurut al-Suyūtī lagi, semua bangsa dan bahasa mempunyai istilah-istilah mereka yang tersendiri yang berbeza antara satu sama lain.¹

Walau pun, beliau secara tegas menolak *Mantiq* Greek, namun kita dapat karya agungnya *al-Risālah* juga menyelitkan unsur-unsur *Mantiq*.² Apa yang menimbulkan persoalannya kepada kita ialah apakan *Mantiq* tersebut adalah *Mantiq* Greek ataupun *Mantiq* yang telah dihasilkan oleh beliau sendiri hasil daripada

¹Ibid.

²Lihat, Abddullah Alwi bin Haji Hassan, Dr., Prof Madya, *Al-Shāfi'ī: Sejarah Hidup Dan Metodologi Mazhab Fiqhinya*, Islamika IV, Kuala Lumpur, 1991, h. 81

kepintaran beliau sendiri dalam penghasilan karya ilmiah yang bermutu tinggi seperti *al-Risalah*. Terdapat kalangan sarjana yang berpendapat bahawa unsur-unsur *Mantiq* yang terdapat di dalam karya agungnya *al-Risalah* adalah *Mantiq* Greek. Pandangan mereka adalah berasaskan kepada kenyataan bahawa terdapatnya beberapa unsur *Mantiq* dalam karya tersebut khususnya yang berkait dengan susunan *al-Risalah* dan juga gaya bahasa penulisannya.

Antara unsur-unsur yang dimaksudkan oleh mereka ialah wujudnya kecenderungan al-*Shāfi*¹ untuk meletakkan definisi (*al-Had*) terlebih dahulu yang kemudiannya disusuli oleh pembahagian-pembahagian tertentu berserta dengan contoh dan petikan-petikan tertentu bagi setiap bahagian tersebut. Beliau telah membentangkan beberapa definisi yang berbeza untuk tujuan perbandingan, kemudian beliau memilih salah satu dari definisi yang dikehendakinya dari definisi-definisi tersebut. Antaranya juga dapat dilihat dari sudut gaya bahasa yang digunakannya dalam dialog-dailog perdebatan (*al-Iḥiār al-Judaliyy*) yang mengandungi banyak lafaz-lafaz *Mantiq* serta maknanya, sehingga sesiapa pun menyangka bahawa ianya adalah satu dialog Falsafah walau pun ianya berdasarkan kepada *al-Naql* dan mempunyai kaitan langsung dengan syariat Islam.¹

Dalam menangani persoalan ini, penulis berpendapat bahawa unsur-unsur *Mantiq* yang terdapat di dalam *al-Risalah* adalah bukan *Mantiq* Aristotle. Ini kerana beliau sendiri telah menempelak disiplin *Mantiq* melalui ungkapannya yang masyhur

¹Muṣṭafa ʿAbd al-Rāziq, *Op.cit.*, h. 245. Sulaymān Dunyā, *Op.cit.*, h. 371. Lihat juga, al-ʿUlwanī, *Op.cit.*, h. 257. Fathī ʿUthmān, *Op.cit.*, h. 160-161.

sebagaimana yang telah dikemukakan oleh penulis di atas. Bahkan di dalam *al-Risalah* sendiri terdapat beberapa kenyataan beliau yang menekankan betapa perlunya individu muslim merujuk kepada *lisān al-‘Arab*, bukan *lisān Aristotle* bagi memahami al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana al-Quran telah diturunkan dalam bahasa Arab, bukan bahasa-bahasa yang lain. Menurutnya lagi, sesiapa yang jahil tentang keluasan *lisān al-‘Arab*, kepelbagaiannya dimensi, keterhimpunan makna dan kecerianinya, maka sudah tentu ia gagal untuk memahami keterangan-keterangan ilmu yang terdapat di dalam al-Quran.¹

Kewujudan unsur-unsur *Mantiq* yang terdapat di dalam *al-Risalah*, sebagaimana yang dimaksudkan di atas, adalah bukan diceluk dari *Mantiq* Aristotle, tetapi ianya adalah hasil dari kemahiran beliau sendiri dalam menyusun susunan penulisan dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas dan tersusun rapi seiras dengan susunan ayat dan gaya bahasa yang berasaskan kepada *Mantiq* Aristotle. Mungkin inilah yang menyebabkan ramai dari kalangan tokoh-tokoh sarjana dan pemikir Islam yang menyangka bahawa apa yang telah dihasilkan oleh al-Imām al-Shāfi‘ī adalah kerana beliau telah terpengaruh dengan *Mantiq* Greek.

Terdapat segelintir dari kalangan pengkaji yang berpegang dengan satu riwayat yang menyatakan bahawa al-Imām al-Shāfi‘ī dapat memahami tentang apa-apa yang telah diperkatakan oleh orang-orang Rome yang antaranya ialah Aristotle dan Porphyry bukan melalui bahasa-bahasa yang telah digunakan oleh mereka, sebagai satu alasan untuk membuktikan bahawa adanya kemungkinan beliau telah terpengaruh dengan

¹Al-Shāfi‘ī, Muhammed ibn Idrīs, *al-Risalah*, Kaherah, t.t., h. 50

Mantiq Aristotle.¹ Riwayat ini menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah adalah merupakan satu riwayat palsu yang sengaja direka oleh Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Balwi.²

Kalau pun kenyataan ini benar, tidak terdapat bukti yang cukup kuat yang menunjukkan al-Imām al-Shāfi‘ī telah mencampurkan *Mantiq* dengan ilmu-ilmu Islam.³ Al-Nashshār, berpendapat bahawa unsur-unsur *Mantiq* dalam *al-Risālah* yang dikatakan terpengaruh dengan *Mantiq* Aristotle sebenarnya adalah amat jauh berbeza pada hakikatnya dengan kajian-kajian *Mantiq* Aristotle.⁴

Sebagai kesimpulannya, kita menegaskan bahawa *Mantiq* Greek tidak mendapat sebarang kedudukan yang istimewa dalam karya al-Shāfi‘ī. Beliau telah secara terbuka menolak semua hasil-hasil pemikiran yang berasaskan kepada pemikiran Aristotle, termasuk di dalamnya kaedah-kaedah *Mantiq* susunan beliau. Sekiranya terdapat unsur-unsur persamaan dari aspek susunan dan gaya bahasa yang digunakan oleh beliau dalam penulisan *al-Risālah*, maka kesemua itu adalah secara kebetulan sahaja kerana kemahiran beliau sendiri dalam menyusun *al-Risālah* dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas dan tersusun rapi seiras dengan susunan ayat dan gaya bahasa yang berdasarkan kepada *Mantiq* Aristotle.

¹‘Uthmān ‘Alī, *Op.cit.*, h. 609.

²Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muḥammad ibn Abī Bakr, *Miftāḥ Dār al-Sa‘ūdah Wa Mawḍū‘ Wākiyat al-‘Ilm Wa al-Irādah*, Kaherah, j. 2, 1965, h. 219-220.

³‘Uthmān ibn ‘Alī, *Op.cit.*, h. 609.

⁴Al-Nashshār, *Ma‘ārij ad-Baḥth*, h. 86. Untuk keterangan lanjut tentang persoalan ini, sila lihat (al-Nashshār, *Ibid.*, h. 83-87).

3.6.2. Al-Għażali (m. 505 H/ 1111 M.)

Umum mengetahui bahawa al-Imām al-Ġħażali merupakan salah seorang tokoh pemikir Islam terkenal yang telah berkecimpung dalam pelbagai bidang disiplin ilmu yang telah berkembang di zamannya. Beliau telah mengkaji tentang Falsafah Greek sebelum mengajukan kritikan tajamnya terhadap disiplin ilmu asing tersebut. Walau pun beliau secara lantang mengkritik sebahagian besar dari cabang-cabang Falsafah Greek, khususnya dalam bidang ketuhanan, namun beliau mengambil sikap terbuka terhadap disiplin *Mantiq* yang tidak bercampur aduk dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan ajaran Islam.¹

Beliau menganggap *Mantiq* sebagai neraca ukuran (*mīyār*) atau neraca timbangan (*mīzān*) bagi semua ilmu pengetahuan. Sikap inilah yang mendorong beliau untuk menghasilkan beberapa karya *Mantiq* seperti *Mīyār al-Ilm*, *Mihāk al-Nazār*, *Maqāṣid al-Falāsifah*² dan *al-Qisṭas al-Muastaqim*. Ia juga telah mendorong beliau untuk mengemukakan satu mukadimah *Mantiq* di dalam karya agungnya dalam bidang *Ilm Uṣūl al-Fiqh*, iaitu *al-Mustasfa* dan menetengahkan beberapa kaedah *Mantiq*, khususnya *al-Qiyās* dalam kitabnya *al-Iqtisād Fī al-Itiqād*. Ini bermakna *Mantiq* telah mendapat kedudukan yang istimewa dalam karya-karya beliau.

¹Keterangan lanjut tentang sikap beliau terhadap *Mantiq* Greek, akan dijelaskan oleh penulis dalam bab yang seterusnya.

²Kitab *Maqāṣid al-Falāsifah* atau lebih khususnya bahagian *Mantiq* yang terdapat di dalamnya adalah dianggap sebagai kesinambungan atau pencerusan bagi pemikiran Aristotle dalam lingkungan pemikiran Islam, lihat (Muhammad Abd al-Sattar, *al-Madrāsa al-Sulayyīyah*, h. 175)

Penghasilan karya dalam bidang keilmuan Islam dengan mengetengahkan kaedah-kaedah *Mantiq* di dalamnya seperti kitab *al-Mustasfa* dan *al-Iqtisād fī al-Itiqād*, adalah dianggap sebagai satu sumbangan besar beliau dalam perkembangan pemikiran Islam yang berlaku di Dunia Islam sekitar abad kelima hijrah. Langkah perintis beliau mengadunkan *Mantiq* dengan *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* melalui kitabnya *al-Mustasfa* telah diikuti oleh beberapa orang tokoh ulama dan pemikir Islam yang muncul selepasnya seperti al-Imām Fakḥ al-Dīn al-Rāzī, al-Imām al-Bayḍāwī, ‘Add al-Dīn al-Ījī (m. 756 H./1355 M.) dan lain-lain lagi.

Penelitian penulis terhadap mukadimah *al-Mustasfa*, menunjukkan bahawa kajian *Mantiq* utama yang terdapat di dalamnya adalah juga berkisar kepada dua bahagian utama iaitu perbahasan tentang *al-Hud* dan *al-Burhān (al-Qiyās)*. Metod bagi kedua-dua perbahasan ini telah dibentangkan oleh al-Imām al-Ghazālī dalam bentuk yang lebih ringkas berbanding dengan apa yang terdapat dalam karya-karya beliau seperti *Mihāk al-Nazar* dan *Miyyār al-‘Ilm*.¹ Dalam mukadimah tersebut, terkandung penjelasan beliau tentang pengertian *al-Hud*, syarat-syarat dan bahagian-bahagiannya di samping penjelasan tentang dalil beserta dengan bahagian-bahagiannya.²

Sebelum usaha ini dilakukan oleh beliau, kita dapatkan bahawa beliau telah cuba memasukkan beberapa permasalahan *al-Fiqh* dalam kitabnya *Miyyār al-‘Ilm* dengan cara mengemukakan beberapa contoh yang diambil dari himpunan permasalahan yang

¹ Al-Ghazālī, *al-Mustasfa*, h. 10.

² Al-Ulwānī, *Op.cit.*, h. 253.

terdapat dalam *al-Fiqh*.¹ Contoh-contoh sebegini juga terdapat di dalam kitab *Mihāk al-Nazar*.² Ini bertujuan untuk memudahkan penuntut muslim memahami tentang kaedah-kaedah *Mantiq* yang dibincangkan dalam karya-karya tersebut. Usaha ini boleh dianggap sebagai percubaan awal beliau untuk mendekatkan *Mantiq*, yang ditentang hebat oleh sebahagian besar ulama-ulama *al-Salaf* sebelumnya, dengan disiplin ilmu Islam. Ia juga merupakan langkah permulaan beliau sebelum mengorak langkah yang lebih jauh mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam.

Di Dalam kitab *al-Iqtisād Fī al-I‘iqād* pula, beliau telah mengemukakan tiga metod pendalilan yang lebih simple berbanding dengan metod-metod pendalilan yang terdapat dalam kitab *Miṣyār al-‘Ilm* dan *Mihāk al-Nazar*.³ Ianya bertujuan supaya persoalan-persoalan yang berkaitan dengan akidah Islam dapat dibentangkan dengan jelas di samping menjadi asas serta garis panduan untuk sebarang perbincangan tentang sesuatu pendapat yang dikeluarkan oleh seseorang. Apa yang jelas terserlah kepada kita ialah terdapatnya unsur-unsur pengaruh *Mantiq* Greek di dalam ketiga-tiga metod tersebut walaupun terdapat dakwaan yang menyatakan bahawa ianya adalah *Mantiq* Islam.

¹Muhammad ‘Abd al-Sattār, *Op.cit.*, h. 180.

²Contohnya dalamuraian tentang metod *al-Qiyās*, beliau telah mengemukakan contoh-contoh penyataan yang mempunyai kaitan langsung dengan perbahasan *‘Ilm al-Kalām* dan *al-Fiqh*, contohnya seperti "Semua jisim adalah tersusun dari sesuatu benda, Sesuatu yang tersusun adalah bahan, kesimpulannya semua jisim adalah bahan" dan juga "Semua *nabiḍah* adalah memabukkan, semua benda yang memabukkan adalah haram, kesimpulannya semua *nabiḍah* adalah haram. Lihat, (*Al-Għażali*, *Mihāk al-Nazar*, h. 41.)

³Untuk keterangan lanjut tentang metod-metod pendalilan tersebut, lihat, (*al-Għażali*, Abu Ḥāmid, *al-Iqtisād Fī al-I‘iqād*, Kaherah, t.t., h. 21-24.)

Sebagai kesimpulannya, kita menegaskan *Manṭiq* telah mendapat kedudukan yang istimewa dalam karya-karya ilmiah al-Għażali. Hal ini telah diserahkan oleh beliau melalui percubaan berani beliau menghasilkan karya ilmiah yang mengadunikan disiplin ini dengan disiplin-disiplin ilmu Islam walau pun kita sedia maklum bahawa disiplin ini telah ditentang hebat oleh kebanyakan tokoh-tokoh ulama Islam sebelumnya. Kitab *al-Mustasfa* yang meletakkan *Manṭiq* sebagai mukadimahnya menunjukkan kepada kita betapa *Manṭiq* telah dianggap sebagai pengantar bagi *Ilm Uṣūl al-Fiqh*.

Penegasan beliau yang menyatakan bahawa sesiapa yang tidak mengetahui tentang mukadimah ini, maka ilmunya tidak boleh dipercayai menunjukkan kepada kita betapa perlunya pemahaman seseorang terhadap kaedah-kaedah *Manṭiq* bagi mendalami bidang *Uṣūl al-Fiqh* menurut pandangan beliau. Langkah al-Imām al-Għażali mengemukakan mukadimah *Manṭiq* dalam karya ilmiah beliau ini telah diikuti oleh beberapa orang tokoh ulama Islam selepasnya seperti *Fakhr al-Dīn al-Rāzī* dan al-Imām al-Baydāwī.

3.6.3. Al-Imām *Fakhr al-Dīn al-Rāzī* (m. 606 H./ 1209 M.)

Sebagaimana al-Għażali, al-Imām *Fakhr al-Dīn al-Rāzī*¹, juga merupakan seorang tokoh ulama dan pemikir Islam terkenal dari aliran mazhab *al-Isḥāqīyah* yang memerangi pemikiran dan Falsafah yang menyeleweng. Beliau juga telah mendapat

¹Beliau ialah Muhammad Ibn ‘Umar Ibn al-Husayn yang telah dilahirkan di al-Rayy pada 25 hb. Ramadhan, tahun tahun 544 H./ 1150 M. Beliau telah diberi beberapa gelaran seperti Abu ‘Abd Allah, Abu al-Ma‘āli, Abu al-Fadl, *Fakhr al-Dīn*, al-Imām al-Rāzī dan Shaikh al-Islām. Lihat, (Al-Qiftī, *Op.cit.*, h. 190. Al-Dhdħħalab, Muhammad Husayn, Dr., *Al-Tafsīr Wa al-Mufassirūn*, Kaherah, j. 1, 1989, h. 276. Al-Ammani, ‘Ali Muhammad Hasan, Dr., *Al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Hayatuh Wa Atharuh*, Kaherah, 1969. h. 11- 17.)

penghormatan dengan gelaran *Shaikh al-Islām*.¹ Fakhr al-Dīn al-Rāzī telah dapat menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti *al-Fiqh*, *‘Ilm al-Kalām*, *al-Tafsīr*, Falsafah, Perubatan, Geometri dan Politik.² Penguasaan beliau dalam bidang ilmu pengetahuan, samada ilmu akal, ilmu agama (khususnya *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* dan *‘Ilm Uṣūl al-Dīn*) dan ilmu yang dimiliki oleh orang-orang dahulu kala tidak dapat ditandingi oleh sesiapa pun di zamannya.³

Beliau telah banyak memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan pemikiran Islam. Banyak karya-karya ilmiah beliau dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan telah dihasilkannya. Al-Subkī melaporkan di dalam kitabnya *Tabaqat al-Shāfi‘iyah al-Kubra*, bahawa setelah beliau selesai mengarang karya-karya ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu, manusia terus menantikan karya-karya tersebut dan menolak karya-karya yang ditulis oleh ulama-ulama terdahulu.⁴

Umum mengetahui bahawa karya yang ditulis oleh para ulama yang mendokongi metod orang-orang terdahulu berbeza dengan karya yang ditulis oleh para ulama yang mendokongi metod orang-orang terkemudian yang telah dipelopori oleh al-Ghazālī. Al-Rāzī adalah termasuk dari kalangan ulama yang mendokongi metod orang-orang terkemudian. Perbezaan antara kedua-dua metod ini adalah jelas iaitu para ulama yang mendokongi metod orang-orang terdahulu tidak menggunakan metod *Mawfiq* di

¹Al-Subkī, *Tabaqat*, j. 5, h.35.

²Al-Ammārī, *Op.cit.*, h. 7

³Lihat keterangan lanjut tentang latar belakang beliau yang ditulis oleh Taha ‘Abd al-Ra‘ūf Sa‘d dalam (Al-Rāzī, *Fakhr al-Dīn*, Muhammad Ibn ‘Umar, *Ma‘ādim Uṣūl al-Dīn*, Kaherah, t.t., h. 4.)

⁴Al-Subkī, *Op.cit.*, h. 35.

Sebagai seorang pendokong metod orang-orang terkemudian (*Tariqah al-Muta'akhirin*), tentu sekali beliau mempunyai pendirian yang hampir sama dengan al-Imām al-Għażali berhubung dengan *Mantiq*. Dalam kitabnya "al-*Muħaċċal*", beliau telah membentangkan satu mukadimah *Mantiq* yang hampir sama dengan mukadimah *Mantiq* yang terdapat dalam *al-Mustasfa*, karangan al-Għażali, *al-Mawaqqif*, karangan al-İji dan *al-Tawāli*¹, karangan al-Bayḍawī.² Mukadimah ini telah dianggapnya sebagai rukun pertama bagi 'ilm al-Kalam.³

Dalam mukadimah tersebut, beliau telah memperkatakan tentang tiga tajuk utama perbahasan *Mantiq* iaitu perbahasan tentang ilmu-ilmu yang pertama (*al-'Ulūm al-Awwaliyyah*) yang membincangkan tentang kaedah-kaedah yang berkaitan dengan *al-Taṣawwurāt* dan *al-Taṣdiqāt*, hukum-hukum *al-Nazar* serta perbahasan tentang *al-Dalīl* beserta dengan bahagian-bahagiannya.³ Persoalan-persoalan ini juga telah dibahaskan oleh beliau di dalam bab yang pertama kitabnya *Ma'ālim Usūl al-Dīn*. Beliau menamakan bab ini dengan tajuk "perbahasan berkaitan dengan *al-'Ilm* dan *al-Nazar*".⁴

Selain daripada itu, beliau juga telah menghasilkan satu karya dalam bidang 'ilm *Usūl al-Fiqh* yang berjudul "al-*Mahyūl Fī Usūl al-Fiqh*". Kitab yang menjadi rujukan terpenting bagi mazhab al-Shāfi'i khasnya dan dalam bidang 'ilm *al-Usūl*

¹Kitab ini telah diringkaskan oleh Naṣīr al-Dīn al-Ṭūsī (m. 672 H/ 1274 M.) dengan judul *Talkhīṣ al-Muħaċċal*. (penulis)

²Lihat, al-Razi, *Faqih al-Dīn*, Muhammad ibn 'Umar, *Muħaċċal Afskar al-Mutaqaddimīn Wa al-Muta'akhirin Min al-'Ulūm Wa al-Hukama'* Wa al-Mutakallimīn, Kaherah, 1948, h. 16.

³Untuk keterangan lanjut tentang ketiga-tiga tajuk ini, lihat, (Al-Razi, *Ibid*, h. 16-52.)

⁴Al-Razi, *Ma'ālim Usūl al-Dīn*, h. 19.

amnya ini,¹ juga mengandungi perbahasan tentang *Mantiq* Greek kerana ianya merupakan ringkasan kepada empat karya rujukan asas dalam ‘ilm *Uṣūl al-Fiqh*, iaitu *al-Burhān*, karangan al-Imām al-Haramayn, *al-Mustasyfa*, karangan al-Imām al-Ghazālī, kitab *al-‘Ahd*, karangan ‘Abd al-Jabbār dan *al-Mu‘tamad*, karangan Abū al-Husayn al-Baṣrī.²

Umum mengetahui bahawa kitab *al-Mustasyfa*, karangan al-Ghazālī merupakan karya pertama yang mengadunkan secara langsung *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam. Ini bermakna tentu sekali ringkasannya juga mengetengahkan *Mantiq* Greek di dalamnya. Hujjah ini diperkuatkan lagi oleh kenyataan Ibn Khaldūn di dalam *Muqaddimahnya* yang menyatakan bahawa al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī merupakan antara tokoh ulama Islam terkemudian yang terpengaruh dengan metod orang-orang terkemudian yang mengadunkan *Mantiq* di dalam penulisan ilmu-ilmu Islam.³

Selain daripada itu beliau juga telah mengetengahkan beberapa kaedah-kaedah *Mantiq* di dalam kitabnya "al-*Mabāḥith al-Mashraqīyyah*". Sebagai contohnya dalam mendefinisikan tentang beberapa *al-Kayfiyyāt* – *al-Malāḥūsah* (keadaan sesuatu yang boleh disentuh) seperti kepanasan, kesejukan, kebasahan, kekeringan dan sebagainya, beliau telah menggunakan kaedah pendefinisan yang berdasarkan kepada metod *al-Had* dan *al-Rasm*.⁴

¹Al-Amārī, *Op.cit.*, h. 21.

²Ibid, h. 43-44.

³Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 504.

⁴Lihat, al-Rāzī, Fakhr al-Dīn, Muhammad Ibn ‘Umar, *Al-Mabāḥith al-Mashraqīyyah*, Tehran, j.1, 1966, h. 7.

Kalau al-Imām al-Ghazālī banyak menggunakan kaedah-kaedah *Mantiq* khususnya *al-Qiyās* bagi mengisbatkan kewujudan Allah dan sifat-sifatNya, al-Rāzī juga telah menggunakan metodologi yang sama dalam mengisbatkan sifat-sifat kesempurnaan yang layak bagi Allah s.w.t. Contohnya di dalam mengemukakan dalil akal bagi mengisbatkan bahawa Allah s.w.t. tidak memerlukan ruang tertentu (*mutahayyiz*), beliau menyatakan bahawa sekiranya Allah s.w.t. memerlukan ruang tertentu, sudah tentu Allah sama dengan makhluk dan hal ini adalah tidak mungkin berlaku sama sekali. Sebagai konklusinya Allah s.w.t. tidak memerlukan ruang tertentu.¹ Contoh ini menunjukkan kepada kita bahawa beliau telah menggunakan metod *al-Qiyās* di dalam mengisbatkan sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah s.w.t.

Walau pun, Fakhr al-Dīn al-Rāzī telah memainkan peranan yang besar dalam mengetengahkan metod *Mantiq* khasnya dan Falsafah amnya dalam penghasilan karya-karya ilmiah beliau, terdapat kenyataan yang menunjukkan bahawa pada peringkat akhir kehidupannya beliau menyesali di atas apa yang telah dilakukannya. Ibn al-Šalāḥ menyatakan bahawa seorang ulama yang bernama al-Quṭb al-Tawāfiyyī menyatakan kepadanya bahawa Fakhr al-Dīn al-Rāzī pernah meluahkan penyesalannya kerana melibatkan diri dalam bidang ‘ilm al-Kalām. Beliau menyesal kerana menyedari bahawa metod metod *al-Kalām* (*al-Turuq al-Kalāmiyyah*) dan metodologi Falsafah tidak boleh menghilangkan kehausan dan menyembuhkan penyakit (ertiua tidak boleh memenuhi keperluan yang diingini oleh seseorang muslim). Beliau berpendapat bahawa metod yang paling betulnya ialah metod al-Quran.²

¹ Al-Rāzī, *Asas al-Taqđīs*, h. 48

² Ibn al-‘Imād, *Shu‘ūlharāt*, j. 5, h. 21-22.

Kenyataan di atas menurut pandangan penulis adalah menunjukkan kepada kita bahawa al-Rāzī lebih cenderung untuk merendahkan nilai *Mantiq* dan Falsafah pada peringkat akhir kehidupannya. Apa yang dilalui oleh beliau adalah hampir sama dengan apa yang dialami oleh al-Imam al-Ghazālī. Beliau tidak boleh dianggap menolak secara total peranan *Mantiq* sebagai satu alat untuk membezakan antara pandangan yang benar dan salah, namun di penghujung usianya mungkin beliau lebih merasakan bahawa peranan al-Quran sebagai pembeza (*al-Furqān*) antara fikrah yang benar dan palsu tidak boleh ditandingi oleh metod-metod yang dihasilkan oleh manusia yang sudah pasti mempunyai banyak kelemahan dan kekurangan.

Berdasarkan kepadauraian di atas, kita merumuskan bahawa *Mantiq* telah mendapat tempat yang istimewa dalam karya-karya Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Ini telah dibuktikan oleh beliau melalui penghasilan beberapa karya ilmiah yang mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam menerusi kitabnya "*al-Muhaṣṣal*", "*Ma‘ālim Uṣūl al-Dīn*" dan juga "*al-Maḥṣūl*". Ternyata bahawa kecenderungan al-Rāzī untuk memperkatakan tentang kaedah-kaedah *Mantiq* sebagai pendahuluan bagi sebahagian dari karya-karya beliau, walau pun secara ringkas, menunjukkan kepada kita betapa perlunya setiap individu muslim memahami terlebih dahulu tentang kaedah-kaedah *Mantiq* bagi mendalami disiplin-disiplin ilmu Islam menurut pandangan beliau.

3.6.4. Al-Baydawī (m. 685 H./ 1286 M.)

Al-Imām al-Baydawī¹ merupakan seorang tokoh imam yang berketrampilan, ahli fikir yang pintar, ahli ibadat, seorang yang bersifat zuhud dan pernah menjawat jawatan kadi di Shiraz². Beliau yang muncul selepas kematian al-Imām al-Ghazalī, telah banyak terpengaruh dengan aliran pemikiran yang telah dibawa oleh tokoh ulama Islam terkenal tersebut. Ibn Khaldūn menyebut di dalam kitabnya *mugaddimah* Ibn Khaldūn bahawa beliau adalah antara tokoh ulama terkemudian yang telah terpengaruh dengan metod orang-orang terkemudian yang telah diketuai oleh al-Imām al-Ghazalī dalam penghasilan karya-karya ilmiah.³

Kita sedia maklum bahawa setiap pendokong metod ini, telah berusaha mengadunkan *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam mencrusi penulisan karya-karya ilmiah mereka. Untuk melihat sejauh mana *Mantiq* telah mendapat tempat yang sewajarnya dalam karya beliau, kajian ini memilih karya beliau yang terkenal dalam bidang ‘Ilm al-Kalām, iaitu *Tawālī‘ al-Anwār* yang biasanya disebut sebagai *al-Tawālī‘*, sebagai rujukan kajian penulis. Kitab ini menurut Ibn al-‘Imād adalah merupakan satu karya ringkas terbaik pernah dihasilkan dalam bidang ‘Ilm al-Kalām.⁴

¹Beliau ialah ‘Abd Allāh ibn ‘Umar ibn Muḥammad ibn ‘Alī yang lebih terkenal dengan gelaran al-Qāfi Nasir al-Dīn al-Baydawī. Antara karya beliau yang terkenal ialah *al-Tawālī‘*, *al-Misbāḥ Fī Uṣūl al-Dīn*, *al-Ḥayāt al-Qaswa Fī al-Fiqh* dan *Mukhtaṣar al-Kashshaf*. Untuk keterangan lanjut, lihat (Al-Subki, *Tabaqat*, j.1, h. 59.)

²Al-Subki, *Ibid*, h. 35.

³Ibn Khaldūn, *Op.cit.*, h. 504.

⁴Ibn al-‘Imād, *Shāfi‘harāt*, j. 5, h. 393.

Pengamatan penulis terhadap karyanya ini menunjukkan bahawa al-Imām al-Baydāwī juga telah mengemukakan satu mukadimah *Mantiq* yang hampir sama sebagaimana yang terdapat dalam kitab "al-Mustasyfa", karangan al-Ghazālī dan "al-Muhayyala" karangan Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Mukadimah ini dinamakan oleh beliau sebagai *Mabāhiḥ tata'llaq bi al-Nazar* (perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan *al-Nazar*).¹

Di dalam mukadimah ini, terdapat empat ceraian fasal utama iaitu perbahasan tentang *al-Taṣawwur* dan *al-Taṣdīq*, perbahasan tentang definisi (*al-Aqwāl al-Shāri'ah*), perbahasan tentang *al-Hujjah* yang merangkumi *al-Qiyās*, *al-Istiqrā'* dan *al-Tamqīl* dan diakhiri dengan perbahasan tentang hukum-hukum *al-Nazar*.²

Mukadimah sebegini juga terdapat dalam kitab *al-Mawāqif Fi 'Ilm al-Kalām* karangan 'Add al-Dīn al-İjī³ dan juga *Sharḥ al-Maqāsid*, karangan al-Imam Sa'd al-Dīn al-Taftazānī (m. 793 H. 1390 M.).⁴ Al-İjī, umpamanya telah mengemukakan satu himpunan tajuk-tajuk kecil yang dinamakan *al-Marsad* bagi menjelaskan tentang

¹Al-Baydāwī, Naṣīr al-Dīn, Abd Allāh ibn 'Umar, *Tawātil* 'al-Anwār Muṣṭafā' al-Anṣār, Beirut, 1991, h. 53.

²Untuk keterangan lanjut tentang keempat-empat ceraian fasal ini, lihat (al-Baydāwī, *Ibid*, h. 55-69). lihat juga (Bajaqlī Zadih, Muhammad al-Mar'aṣī, *Nashr al-Tawātil*, Kaherah, 1924, h. 7-39).

³Beliau merupakan seorang tokoh ulama yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang 'Ilm al-Kalām dan 'Ilm Uṣūl al-Fiqh. Antara karya-karya beliau yang terkenal ialah kitab *al-Mawāqif*, *al-'Aqa'id* dan *'Adudiyyah*, *al-Risalah* dan *Sharḥ Mukhtasar Ibn al-Hajib*. (penulis)

⁴Beliau merupakan seorang tokoh ulama bahasa dan *mutakallim* yang terkenal. Antara karya-karya beliau yang terkenal ialah kitab *Tuhħħib al-Mantiq*, *al-Mutawwal*, *Maqāsid al-Talibin* dan *Sharḥ al-'Aqa'id al-Nasafiyyah*.(penulis)

beberapa kaedah *Mantiq*, sebelum beliau mula menjelaskan tentang topik-topik yang berkaitan dengan ‘Ilm al-Kalām.¹

Begitu juga dengan al-Taftazānī yang telah mengemukakan dua ceraian fasal yang mengandungi ulasan beliau terhadap kaedah-kaedah *Mantiq* dalam kitabnya *sharḥ al-Maqāṣid*. Kedua-duanya fasal ini telah dibincang oleh beliau selepas dibentangkan tentang definisi ‘Ilm al-Kalām serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya seperti topik-topik kajian, permasalahan-permasalahannya secara umum, kepentingan dan kelebihan yang terdapat padanya. kedua-dua fasal ini diletakkan di bawah tajuk khusus iaitu perbahasan tentang *al-‘Ilm* dan *al-Nazar* (*mabāhiḥ al-‘Ilm Wa al-Nazar*).² Di dalam kedua-dua fasal ini, beliau telah membincangkan secara terperinci tentang *al-‘Ilm*, khususnya pembahagian *al-‘Ilm* kepada *al-Taydīq* dan *al-Tasyawwur*³ serta menghuraikan tentang definisi *al-Nazar*, pembahagian, syarat-syarat serta perkara-perkara yang berkaitan dengan *al-Nazar*.⁴

Kewujudan Mukadimah *Mantiq* dalam kitab “*al-Tanwīl*” karangan al-Imām al-Baydāwī, selain dari membuktikan bahawa *Mantiq* telah mendapat kedudukan yang istimewa dalam karya beliau juga secara tidak langsung menunjukkan kepada kita betapa *Mantiq* telah dianggap sebagai satu disiplin ilmu yang perlu diketahui terlebih

¹Untuk keterangan lanjut tentang topik-topik tersebut, lihat, al-İji, ‘Abd al-Rahmān ibn Alīmad, *al-Mawaqif Fī ‘Ilm al-Kalām*, Kaherah, t.t., h. 7- 40.

²Al-Taftazānī, Sa‘d al-Dīn Mas‘ūd ibn ‘Umar, *sharḥ al-Maqāṣid*, Kaherah, t.t., h. 177.

³Beliau telah meletakkan *al-Taydīq* terlebih dahulu dalam pembahagian *al-‘Ilm* kerana menurutnya pembahagian tersebut adalah berdasarkan samada sesuatu ungkapan itu mengandungi hukum (*al-Taydīq*) atau pun tidak mengandungi hukum (*al-Tasyawwur*). Lihat, al-Taftazānī, *Ibid*, h. 218-219.)

⁴Untuk kajian lanjut tentang persoalan ini, lihat, al-Taftazānī, *Ibid*, h. 207-317.

dahulu oleh seseorang yang ingin mendalami dalam bidang ‘Ilm al-Kalam. Ternyata bahawa al-Bayqūrī amat terpengaruh dengan pemikiran tokoh-tokoh sebelumnya seperti al-Imām al-Ghazālī dan al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī.

Sebagai kesimpulannya, kita merumuskan bahawa kesemua mukadimah *Mantiq* yang terdapat di dalam karya yang disebutkan di atas membuktikan bahawa *Mantiq* telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Topik-topik *Mantiq* yang dibincangkan dalam mukadimah tersebut adalah pada dasarnya tidak terkeluar dari manhaj pengajian *Mantiq* yang telah ditinggalkan oleh Aristotle. Ia berkisar dalam perbahasan *al-Tasyawwurāt*, *al-Taṣdīqāt* dan *al-Istdilāl*. Kewujudan mukadimah yang seolah-olahnya dianggap sebagai pembuka tirai dan kunci kefahaman terhadap ilmu-ilmu tersebut, selain dari menunjukkan kepada kita betapa *Mantiq* telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam, juga menunjukkan betapa kuatnya pergantungan sebahagian dari kalangan ulama Islam terhadap kaedah-kaedah *Mantiq* bagi tujuan memantapkan lagi kefahaman masyarakat Islam terhadap disiplin-disiplin ilmu Islam.¹

3.7. KESAN-KESAN PENGARUH *MANTIQ* TERHADAP PEMIKIRAN ISLAM.

Penguasaan *Mantiq* yang ketara dalam lapangan pemikiran Islam khususnya menjelang kurun kelima hijrah, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh penulis sebelumnya, telah meninggalkan kesan-kesan positif dan negatif kepada umat Islam. Aplikasi *Mantiq* Greek dalam usaha memantapkan kefahaman umat Islam terhadap

¹Sebagai contohnya al-Taftāzānī, dalam bukunya *Sharḥ al-Maqāṣid*, menjelaskan bahawa kefahaman tentang persoalan-persoalan yang berkait dengan ketuhanan khususnya adalah bergantung kepada sejauh mana kefahaman seseorang terhadap kajian tentang *al-‘Ilm* dan *al-Nazar* (iaitu kajian utama yang terkandung dalam mukadimah *Mantiq* beliau), Lihat, (al-Taftāzānī, *Ibid*, h. 177.)

beberapa disiplin ilmu Islam telah berjaya menyerlahkan beberapa keistimewaan *Mantiq* yang dipandang sepi oleh penentang-penentangnya (sebahagian besarnya terdiri dari kalangan ulama-ulama *al-Salaf*)

Kita juga tidak menolak bahawa penularan pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam telah meninggalkan kesan negatif kepada umat Islam. Ini kerana kita sedia maklum bahawa sememangnya sesuatu disiplin pemikiran yang tidak bersumberkan kepada sumber-sumber wahyu tentu sekali mempunyai banyak kelemahan dan kekurangannya. Untuk mendapat gambaran yang jelas tentang persoalan ini, kajian ini akan menjelaskan tentang beberapa kesan positif dan negatif yang terhasil dari penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam.

3.7.1. Kesan Positif

Dalam memperkatakan tentang kesan positifnya, kita terpaksa akur bahawa kehadiran *Mantiq* dan lain-lain cabang Falsafah Greek ke dunia Islam telah sedikit sebanyak menyumbang ke arah berkembangnya pemikiran Islam di Dunia Islam. Perkembangan ini berlaku kerana terdapatnya di kalangan pemikir-pemikir Islam awal yang menggunakan *Mantiq* untuk tujuan mempertahankan akidah Islam serta menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat manusia. Di sini jelas terserlah sumbangan yang telah diberikan oleh *Mantiq* kepada umat Islam dalam mempertahankan doktrin-doktrin Islam yang menjadi pegangan mereka sejak dari zaman Rasulullah s.a.w. Usaha ini secara tidak langsung menjadi perintis ke arah berlakunya percampuran *Mantiq* dengan disiplin-disiplin ilmu Islam, khususnya ‘ilm al-

Kalām dan ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* pada zaman kegemilangan ilmu pengetahuan di Dunia Islam.

Selain daripada itu, satu kesan ketara penyerapan pengaruh *Mantiq* dalam pemikiran Islam yang dapat kita perhatikan ialah terpindahnya unsur kehalusan (*al-Diqqah*) dari aspek bahasa dan makna yang terdapat pada *Mantiq* Aristotle dan lain-lain ilmu Matematik (*Ilm al-Riyādah*) ke dalam pemikiran Islam. Unsur kehalusan ini dapat kita perhatikan melalui penelitian secara terperinci terhadap karya-karya yang dihasilkan oleh sebahagian besar para ulama dan pemikir Islam dalam pelbagai disiplin ilmu pengetahuan selepas berlakunya gerakan penterjemahan. Kita sedia maklum bahawa kewujudan unsur ini dalam *Mantiq* Greek merupakan antara faktor utama yang merangsang **Khalifah Abu Ja‘far al-Mansūr** untuk menterjemahkan karya-karya *Mantiq* ke dalam bahasa Arab di zaman pemerintahannya.¹

Penterjemahan karya-karya *Mantiq* yang mempunyai unsur sedemikian telah meninggalkan kesan yang besar kepada orang-orang Arab dalam penghasilan karya-karya ilmiah mereka. Sebelum mereka mengetahui tentang unsur kehalusan yang terdapat dalam *Mantiq* Greek, mereka hanya berpada dengan penggunaan gaya bahasa yang sekadar untuk memuaskan hati pembaca melalui penggunaan ayat-ayat yang lebih menekankan kepada aspek keindahan pengucapan yang dimanifestasikan dalam bentuk penggunaan *al-Tashbih*, *al-Majāz*, *al-Kināyah* dan juga pelbagai bentuk *sya‘ir* serta ayat-ayat yang mempunyai banyak unsur-unsur khayalan.²

¹Nu‘aym, *Op.cit.*, h. 344.

²*Ibid*.

Kecenderungan sebahagian besar pemikir-pemikir Islam untuk memikir dan mengkaji tentang unsur-unsur kehalusan yang menjadi ciri utama *Mantiq* Greek ini, walaupun menurut Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, tidak boleh menghasilkan kesempurnaan pada jiwa manusia,¹ akhirnya telah menyebabkan mereka percaya dan yakin bahawa pemikiran Greek secara umumnya adalah satu pemikiran yang terpelihara dari kesalahan dan kesilapan. Faktor inilah yang menyebabkan mereka senang untuk menerima Falsafah ketuhanan yang diterjemahkan pada zaman selepasnya iaitu zaman pemerintahawal-Ma'mūn, walaupun terdapat banyak pandangan tokoh-tokoh Falsafah dalam bidang ketuhanan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Kenyataan Dr. Muhammad al-Bahi dalam kitabnya *al-Janīb al-Ilāhiyy Min al-Taṣkīr al-Islāmiyy*, yang menyebutkan bahawa kalau sekiranya orang-orang Islam tidak berinteraksi dengan Falsafah Greek, sudah tentu tidak terdapatnya unsur kehalusan dalam mengulas setiap perbahasan yang bersangkutan dengan pelbagai disiplin ilmu mereka,² secara tidak langsung adalah juga merujuk kepada *Mantiq* Greek.

Selain daripada itu juga, percampuran *Mantiq* dengan disiplin ilmu Islam melalui peranan yang telah dimainkan oleh tokoh-tokoh ulama seperti al-Ghazālī, Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan juga al-Bayḍāwī telah menyebabkan perbincangan tentang disiplin ilmu Islam, khususnya ‘Ilm al-Kalām dan ‘Ilm Usūl al-Fiqh menjadi lebih menarik. Walau pun kemasukan unsur-unsur *Mantiq* dalam disiplin-disiplin ilmu tersebut menjadikan topik perbincangannya semakin kompleks dan terkadang sulit untuk

¹Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad ibn Abī Bakr, *al-Fawā'id*, Beirut, 1983, h. 255.

²Muhammad al-Bahi, *al-Janīb al-Ilāhiyy*, h. 139.

difahami oleh golongan orang awam, namun ianya boleh merangsang pemikiran golongan cendekiawan dari kalangan ummat Islam agar bersikap lebih terbuka terhadap semua *hikmat* silam yang boleh dimanfaatkan oleh mereka bagi meningkatkan kecemerlangan umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan dan membina tamaddun Islam yang menggabungkan semua *hikmat* klasik yang bermanfaat dengan disiplin ilmu moden yang baik dan sesuai untuk kebaikan agama Islam dan ummahnya.

3.7.2. Kesan Negatif

Selain dari kesan-kesan positif yang telah dinyatakan oleh penulis di atas, kedatangan *Mantiq* ke Dunia Islam juga telah meninggalkan kesan negatif kepada pemikiran Islam. Antara kesannya yang dapat kita lihat ialah wujudnya kecenderungan sebahagian dari kalangan ulama Islam meninggalkan gaya bahasa (*uslub*) penulisan yang berdasarkan kepada bahasa Arab dalam menghasilkan karya-karya ilmiah mereka. Mereka lebih suka menggunakan gaya bahasa yang berdasarkan kepada *Mantiq* Aristotle dalam menghasilkan karya-karya mereka. Kecenderungan inilah menurut Al-Imām al-Shāfi‘ī yang menyebabkan mereka menjadi jahil dan bercanggahan pendapat antara satu sama lain.¹


Selain daripada itu, mereka juga lebih cenderung untuk menggunakan dalil-dalil *Mantiq* dalam berhujah dan berdebat, sedangkan menurut al-San‘ānī (m. 840 H./1436 M.), dalil-dalil akal yang terdapat di dalam al-Qur'an bukan sahaja memadai untuk tujuan tersebut, bahkan mampu mengatasi dalil-dalil *Mantiq* dan *al-Kalām*. Ini kerana

¹Al-Suyūtī, *Sawn al-Mantiq*, h. 15.

al-Quran adalah satu-satunya kitab yang lengkap, dan mencakupi segenap bidang ilmu pengetahuan serta sesuai untuk orang-orang awam dan golongan *al-Khanāṣ* (golongan cendekiawan). Ia tidak mengandungi gaya bahasa yang dibuat-buat, sebagaimana yang terdapat dalam *Mantiq Greek*.¹

Selain daripada itu, beliau juga berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan timbulnya perbeaan yang ketara antara *uslub* al-Quran dengan *uslub* yang digunakan oleh ahli-ahli Falsafah, termasuk ulama-ulama *Mantiq* ialah kerana *uslub* al-Quran adalah berdasarkan kepada bahasa Arab yang fasih serta terang nyata sebagaimana firman Allah s.w.t.:

²



terj: "(al-Quran telah diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata".

Sementara *uslub* yang berdasarkan kepada ciri-ciri bahasa Greek pula adalah berdasarkan kepada keunggulan bahasa Greek itu sendiri yang tentu sekali tidak boleh menandingi keunggulan bahasa Arab. Berdasarkan kepada hakikat ini, beliau berpendapat bahawa orang-orang Islam tidak seharusnya mendalamai disiplin-disiplin ilmu Falsafah (khususnya *Mantiq*).³

¹Al-Šan‘ānī, Muhammad Ibn Ibrahim, *Tarjīḥ Asālib al-Qur’ān ‘Alā Asālib al-Yūmūr*, Kaherah, 1930, h. 7.

²Al-Syū‘āra‘: 195.

³Al-Šan‘ānī, *Op.cit.*, h. 7.

Sebagai kesimpulannya, kita merumuskan bahawa kedatangan *Mantiq* ke dunia Islam telah meninggalkan beberapa kesan positif dan negatif kepada pemikiran Islam. Kedua-dua kesan inilah yang menyebabkan para ulama Islam mempunyai sikap dan pandangan yang berbeza terhadap *Mantiq* Greek. Sebahagiannya, secara lapang dada menerima *Mantiq* Greek kerana mengagumi kehalusan dan kepentingan kaedah-kaedahnya, sementara sebahagian lagi, menentang keras kehadiran dan penularan pengaruhnya dalam pemikiran Islam. Penentangan mereka telah dimanifestasikan dalam bentuk penolakan mereka terhadap *Mantiq* Greek dan juga melalui fatwa-fatwa pengharaman yang dikeluarkan oleh Ibn al-Šalāḥ (m. 643 H./ 1245 M.), al-Imām al-Nawawī (m. 676 H./ 1277 M.) , Ibn Taymiyyah dan lain-lain lagi.

3.8. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa setelah *Mantiq* Greek berkembang ke dunia Islam, disiplin peninggalan Aristotle ini telah berjaya mempengaruhi pemikiran Islam. Bermula dari langkah sebahagian besar dari kalangan para pemikir awal Islam, khususnya dari kalangan pendokong aliran *al-Mu'tazilah* dan *al-Ash'ārīyah* yang memanfaatkan *Mantiq* untuk tujuan mempertahankan doktrin-doktrin akidah Islam, pengaruh *Mantiq* Greek akhirnya berjaya menyerap masuk ke dalam pemikiran Islam secara yang lebih ketara dan jelas.

Penguasaan pengaruh *Mantiq* ke atas pemikiran Islam telah terserlah setelah berlakunya percampuran secara ketara antara disiplin tersebut dengan beberapa disiplin ilmu Islam seperti ‘*Ilm al-Kalām* dan ‘*Ilm Usūl al-Fiqh*. Al-Imām al-Ghazālī adalah

tokoh ulama Islam yang bertanggungjawab mengadunkan *Maniq* dengan disiplin ilmu Islam. Kurun kelima Hijrah menyaksikan beliau yang mengetuai metod orang-orang terkemudian (*Tariqah al-Muta'akhirin*), telah berjaya menghasilkan satu karya ilmiah dalam bidang ‘Ilm *Uṣūl al-Fiqh* yang mengadunkan *Maniq* dengan disiplin ilmu tersebut menerusi kitabnya *al-Mustayfa*. Walau pun langkah beliau yang tidak selari dengan pemikiran al-Imām al-Šħafi‘ī ini telah dikritik hebat oleh tokoh mujaddid Islam terkenal, Ibn Taymiyyah, namun ianya telah diteruskan oleh beberapa orang tokoh ulama terkemudian seperti al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Al-Imām al-Baydawī, ‘Add al-Dīn al-İji, al-Taftazānī dan lain-lain lagi.